

REALISING HOPES AND DREAMS


MEREALISASIKAN HARAPAN DAN IMPIAN



www.lppsa.gov.my

Annual Report 2017
Laporan Tahunan 2017





Realising Hopes and Dreams

The art on our cover reflects those things that are closest to the hearts of most Malaysians; our families and the safety and comfort of the homes we create for, and together with, our loved ones.

Most people dream of owning a home, raising a family and securing a bright future for their children.
We believe that this dream should be within reach for everyone.

We understand your hopes and dreams and strive to do everything in our power to make them come true and build better lives for all Malaysians.




Merealisasikan Harapan dan Impian

Karya pada muka depan mencerminkan perkara yang paling dekat di hati kebanyakan rakyat Malaysia; keluarga dan keselamatan serta keselesaan kediaman yang dibina untuk bersama-sama dengan orang yang disayangi.

Kebanyakan daripada kita mengimpikan untuk memiliki sebuah rumah untuk membina sebuah keluarga dan menjamin masa depan yang cerah buat anak-anak. Kami percaya bahawa impian ini mampu dicapai oleh semua.

Kami memahami harapan dan impian anda dan melakukan segala yang termampu untuk menjadikannya kenyataan dan membina kehidupan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.



CONTENTS

ISI KANDUNGAN

| 1 | 5 |
|---|-----------|
| OUR SERVICE PERKHIDMATAN KAMI | |
| Vision, Mission & Core Values Visi, Misi & Nilai-Nilai Teras | 2 |
| 2 | |
| FROM OUR LEADERSHIP DARIPADA KEPIMPINAN KAMI | |
| Joint Statement Kenyataan Bersama | 4 |
| 3 | |
| GIVING BACK TO THE COMMUNITY SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI | |
| Environment Persekutuan | 23 |
| Workplace Tempat Kerja | 25 |
| Community Komuniti | 31 |
| 4 | |
| COMMITMENT TO GOVERNANCE KOMITMEN KEPADA TADBIR URUS | |
| Members of the Board's Profiles Profil Ahli-Ahli Lembaga | 35 |
| Senior Management Team's Profiles Profil Pengurusan Kanan | 42 |
| Corporate Governance Overview Statement Pandangan Keseluruhan Penyata Tadbir Urus Korporat | 45 |
| Nomination and Remuneration Committee (NRC) Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (NRC) | 49 |
| Audit, Risk and Integrity Committee Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti | 50 |
| Overview on Risk Performance in 2017 Tinjauan Prestasi Risiko Pada 2017 | 61 |
| Business Continuity Management Pengurusan Kesinambungan Urusan | 65 |
| OUR FINANCIAL STATEMENTS PENYATA KEWANGAN KAMI | |
| Report of the Auditor General Laporan Ketua Audit Negara | 73 111 |
| Statement by the Members of the Board Penyata Ahli Lembaga | 77 115 |
| Statutory Declaration by the Officer Primarily Responsible for the Financial Management Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan | 78 116 |
| Statement of Financial Position Penyata Kedudukan Kewangan | 79 117 |
| Statement of Financial Performance Penyata Prestasi Kewangan | 80 118 |
| Statement of Changes in Net Assets Penyata Perubahan Aset Bersih | 81 119 |
| Statement of Cash Flows Penyata Aliran Tunai | 82 120 |
| Notes to the Financial Statements Nota Kepada Penyata Kewangan | 83 121 |



DATO' KAMAL BIN

MOHD ALI

Chief Executive Officer/
Ketua Pegawai Eksekutif

Being a socially responsible agency, we constantly intensify our efforts in providing strong support to the Government's initiatives to increase home ownership for the civil servants. This is a great and meaningful mission of LPPSA. We carry a crucial and important responsibility in providing home financing to members of the public sector.

Sebagai sebuah agensi yang mempunyai tanggungjawab sosial, kami sentiasa meningkatkan usaha untuk memberikan sokongan yang padu kepada inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan penjawat awam. Ini adalah misi LPPSA yang bermakna. Kami memikul tanggungjawab utama dan penting dalam menyediakan pembiayaan perumahan kepada kakitangan sektor awam.

To access more information, log on to <http://www.lppsa.gov.my> or scan the QR code.

Untuk memperoleh maklumat lanjut boleh layari <http://www.lppsa.gov.my> atau imbas kod QR di bawah.



We believe that LPPSA is geared in the right direction to be the preferred choice in home financing for the public sector. Our strategy and initiatives will be constantly reviewed and realigned to provide a realistic and practical roadmap in achieving our vision.

Kami percaya bahawa LPPSA telah dipacu ke arah yang betul untuk menjadi pilihan utama dalam pembiayaan perumahan untuk sektor awam. Strategi dan inisiatif kami akan sentiasa dikaji dan disusun semula bagi menyediakan pelan yang realistik dan praktikal dalam mencapai visi kami.



Home Financing (RM'000)/ Pembiayaan Perumahan (RM'000)

| | |
|------|------------|
| 2017 | 55,881,609 |
| 2016 | 48,517,940 |



KEY HIGHLIGHTS/MAKLUMAT PENTING



BUILDING A BETTER LIFE

MEMBINA KEHIDUPAN YANG LEBIH BERMAKNA

Total Assets (RM'000)/ Jumlah Aset (RM'000)

| | |
|------|------------|
| 2017 | 59,246,234 |
| 2016 | 50,378,535 |

Total Revenue (RM'000)/ Jumlah Pendapatan (RM'000)

| | |
|------|-----------|
| 2017 | 3,918,953 |
| 2016 | 3,258,168 |

Surplus for the Year (RM'000)/ Lebihan Tahunan (RM'000)

| | |
|------|-----------|
| 2017 | 2,170,125 |
| 2016 | 1,439,226 |

VISION, MISSION & CORE VALUES

VISI, MISI & NILAI-NILAI TERAS

VISION VISI

To be an excellent and sustainable property financier for the public sector

Menjadi sebuah agensi pembiayaan perumahan sektor awam yang cemerlang dan mampan

MISSION MISI

To strive for excellence by practicing best policies, procedures, culture and compliances,
while continuously being innovative

Mencapai kecermerlangan dengan mengamalkan dasar, prosedur, budaya kerja dan pematuhan yang terbaik pada masa yang sama meningkatkan prestasi melalui inovasi berterusan

FUNCTIONS FUNGSI

- To manage the Fund* and to administer the public sector home financing in accordance with the provisions of the Public Sector Home Financing Board Act 2015 (Act 767).
- To advise the Minister of Finance on matters relating to the public home financing facility.
- To do such other things as may be required or permitted to do under the Act 767.
- Untuk menguruskan Kumpulan Wang* dan mentadbir kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam mengikut peruntukan Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 (Akta 767).
- Untuk menasihati Menteri Kewangan tentang perkara berkaitan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.
- Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Akta 767.

KEY OBJECTIVES OBJEKTIF UTAMA

- Establish policies, guidelines and processes enhancement throughout our Core-Business-Chain (CBC) using Information and Communications Technology as an enabler to ensure efficiency.
- Provide efficient financing management and business response time towards meeting client's charter.
- Financial sustainability through efficient collection, sufficient funding and prudent financial management.
- Mewujudkan dasar, garis panduan dan penambahbaikan menerusi Core-Business-Chain (CBC) dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai penggerak untuk memastikan kecekapan.
- Menyediakan pengurusan pembiayaan yang cekap dan tempoh masa beruruskan ke arah mencapai piagam pelanggan.
- Kemampunan kewangan melalui kutipan bayaran balik yang cekap, pengurusan dana dan pengurusan pembiayaan yang berhemat.

* "the Fund" means the Public Sector Home Financing Fund, established pursuant to section 26 of Act 767.

* "Kumpulan Wang" bermaksud Kumpulan Wang Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah seksyen 26 Akta 767.

VISION, MISSION & CORE VALUES

VISI, MISI & NILAI-NILAI TERAS

CORE VALUES/NILAI-NILAI TERAS



Demonstrate innovativeness and creativity and adapts easily in order to produce exceptional quality results that exceed declared performance standard.

Menunjukkan inovasi, kreativiti dan menyesuaikan diri dengan mudah dalam perubahan untuk menghasilkan keputusan yang berkualiti melebihi standard yang ditetapkan.

Ability to develop a cooperative work environment to leverage work efforts towards solutions that link overall organisational goals and expectations.

Keupayaan mewujudkan persekitaran kerja yang erat bagi memastikan matlamat dan sasaran organisasi dapat dicapai secara keseluruhannya.

Earns others' trust and respect through consistent honesty and professionalism in all interactions; keeps promises and commitment made to others. Does the right things, even when it is difficult. Does not yield to pressure to show bias or manipulate others.

Meraih kepercayaan dan rasa hormat melalui sikap jujur yang konsisten dan profesionalisme dalam semua interaksi; menepati janji dan komitmen yang dibuat. Melakukan perkara yang betul, walaupun dalam keadaan yang sukar dan tidak berat sebelah atau memanipulasi orang lain.

Understand and anticipates customers' perspective and needs in order to deliver excellent service exceeding customer expectation; makes customer and their requirements a primary focus of actions and maintains good customer relationship.

Memahami dan menjangkakan keperluan dan kehendak pelanggan bagi menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang melebihi jangkaan pelanggan; menjadikan pelanggan dan keperluan mereka sebagai fokus utama dalam sebarang tindakan yang diambil serta mengekalkan hubungan yang baik dengan pelanggan.

Demonstrate initiative, shows tenacity and commitment to drive tasks to closure despite obstacles; accepts ownership and accountability for performance, results and actions.

Menunjukkan inisiatif, kesungguhan dan juga komitmen untuk menyelesaikan tugas walaupun menghadapi halangan; bertanggungjawab ke atas prestasi, keputusan dan tindakan yang diambil.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA



**DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI
BAKAR**
Chairman/Pengerusi

DEAR STAKEHOLDERS,

On behalf of the Public Sector Home Financing Board (LPPSA), we are pleased to present a view of LPPSA's performance for the financial year ended 31 December 2017, a culmination of the dedication and commitment shown by all citizens of LPPSA.

The year 2017 was indeed exhilarating, as global economies found firm footing in a display of synchronised recovery, which saw global growth continuing to gain pace in what was known to be the broadest cyclical upswing since the beginning of the decade.

Riding on the global upturn, our Malaysian GDP growth outshone many in the region, accelerating 5.9% year-on-year – the highest GDP growth in the last three years – supported by strong exports, stable employment and consumer spending. As the Malaysian economy picked up, our Ringgit also strengthened in tandem, buoyed by stronger foreign interest in Malaysian equities and bonds.

DATO' KAMAL BIN MOHD ALI
Chief Executive Officer/
Ketua Pegawai Eksekutif

PIHAK BERKEPENTINGAN,

Bagi pihak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), kami amat berbesar hati membentangkan prestasi LPPSA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, yang merupakan gabungan dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua warga LPPSA.

Tahun 2017 sememangnya tahun yang membanggakan memandangkan ekonomi global yang semakin kukuh dengan memperkenalkan pemulihan sekata yang menyaksikan pertumbuhan global terus bertahan dalam apa yang dikenali sebagai peningkatan sejak awal dekad lalu.

Berdasarkan kepada pertumbuhan global, pertumbuhan KDNK Malaysia berjaya mengatasi pelbagai negara di rantau ini, dengan peningkatan tahunan sebanyak 5.9% – pertumbuhan KDNK yang paling tinggi dalam jangka masa tiga tahun – disokong oleh eksport yang kukuh, sektor pekerjaan

Operating against a backdrop of improved global and local economic conditions, coupled with higher efficiency as a result of our intensive two-year transformation, have given us the capacity, experience and resources to provide a higher number of loans and even better services to our customers in the public sector.

With the improving economic sentiment, demand for home financing including financing for affordable housing project, such as the Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), continued to be strong witnessed by a slow uptrend of home financing approval rates and higher property transactions in the market. With this, we foresee the prospects of affordable housing demand, especially those built at strategic locations to continue to be strong, not only from within the public sector, but also from the general public at large.

dan perbelanjaan pengguna yang stabil. Memandangkan ekonomi Malaysia telah meningkat, Ringgit turut mengukuh, disokong oleh minat para pelabur asing dalam pasaran ekuiti dan bon Malaysia.

Berlatarbelakangkan pelaburan yang berlandaskan keadaan ekonomi global dan tempatan yang semakin baik, ditambah pula dengan peningkatan kecekapan hasil daripada transformasi intensif selama dua tahun, ia telah memberikan kami kapasiti, pengalaman dan sumber untuk menyediakan bilangan pembiayaan yang lebih tinggi dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dalam sektor awam.

Berdasarkan sentimen ekonomi yang semakin baik, permintaan bagi pembiayaan perumahan termasuk pembiayaan bagi rumah mampu milik, seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), terus mengukuh dengan menyaksikan peningkatan kadar kelulusan pembiayaan perumahan dan transaksi hartanah yang lebih tinggi di pasaran. Dengan ini, adalah diramalkan prospek permintaan perumahan mampu milik, terutamanya yang dibina di lokasi-lokasi strategik akan terus mengukuh, bukan sahaja berdasarkan permintaan daripada sektor awam, tetapi juga daripada orang awam secara keseluruhannya.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

These two years have proved to be a crucial learning path for LPPSA, where we transitioned from a traditional Government division to being a separate Statutory Body, as part of measures to strengthen the fiscal position and relieve the financial burden of the Government.

In doing so, it is envisaged that LPPSA will be able to fully focus on its function to manage home financing for the public sector independently, while developing a sustainable financial model to sustain our operations for many years to come.

We are delighted to share that in November 2017, the New LPPSA Strategic Framework 2018 was successfully endorsed by the Board. Figure 1 illustrates the New LPPSA Strategic Framework, or known as "Strategic House" which comprises of three strategic pillars to guide and realise our

strategies and plans towards accomplishing our overarching vision.

The three pillars are substantiated by four key enablers set by LPPSA leadership to propel our growth momentum in making the vision of LPPSA sustainable in the long run.

Tempoh operasi selama dua tahun ini telah terbukti sebagai suatu pengalaman yang penting buat LPPSA. Bermula sebagai sebuah bahagian yang di bawah Kementerian Kewangan dan akhirnya ditransformasikan menjadi sebuah Badan Berkanun Diasingkan Saran dan Dibebaskan. Sepenuhnya, ia memperlihatkan keupayaan LPPSA untuk terus beroperasi demi kepentingan penjawat awam.

Bagi tujuan itu, dapat digambarkan bahawa LPPSA akan memberi tumpuan kepada fungsinya untuk menguruskan pembiayaan

perumahan sektor awam secara bebas, disamping membangunkan model kewangan yang mampan bagi mengekalkan operasi untuk tahun-tahun yang akan datang.

Kami amat berbangga untuk berkongsi bahawa pada November 2017, Rangka Kerja Strategik LPPSA Baharu 2018 telah diluluskan oleh Ahli Lembaga. Rajah 1 menunjukkan Rangka Kerja Strategik LPPSA Baharu, atau dikenali sebagai "*Strategic House*" yang mengandungi tiga (3) teras strategik sebagai panduan dan bagi merealisasikan strategi serta pelan untuk mencapai visi LPPSA secara menyeluruh.

Tiga (3) teras tersebut disokong oleh empat (4) pelaksana utama yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan LPPSA bagi mendorong momentum pertumbuhan untuk merealisasikan visi LPPSA yang lebih mampan dalam jangka panjang.




Figure 1 / Rajah 1: LPPSA Strategic House

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA



Accordingly, the three pillars outline the story of our transformation. In our endeavour to build the first pillar of sustainable capital framework and funding structure, we relooked into our capital structure to ensure optimum operating cash flow.

Upholding effectiveness and efficiency of service delivery, which constitutes our second pillar, is central as we strive to benchmark LPPSA's delivery performance with the best industry practice. In strengthening our second pillar, we commenced a new loan management system to allow better performance and with more consistency of which we expect to be fully integrated by end-2018. During this transition period, LPPSA worked on post-data-cleansing, to coincide with the 2018 data cleansing, and adopted general banking practices into our operation guidelines, underscoring our robust governance framework to maintain high fiscal discipline and improve service delivery.

We will see more of such operational enhancements in the near future that will bring better efficiency and customer experience for LPPSA.

As a socially responsive public agency, LPPSA has always come up with workable proposals, financing options and recommendations for the Government's consideration with regards to providing home financing for the public sector.

All of the above concerted measures contributed to a higher Customer Satisfaction Rating for year 2017, with a score of 77%.

In summary, LPPSA's drive to become an excellent home financier for the public sector is propelled not only from a detailed review of our day-to-day operations to provide more market and socially responsive offerings, but also in strengthening our governance and capital framework, customer service delivery and strive towards optimal accumulation of asset base.

Details of the transformation measures and outcomes are available in the Operations Review section, while the Financial Review provides insights into our financial health in 2017.

Oleh itu, ketiga-tiga teras menggariskan kisah transformasi kami. Dalam usaha LPPSA untuk membina teras pertama mengenai rangka kerja modal yang mampan dan struktur pendanaan, kami melihat semula pada struktur modal bagi memastikan operasi aliran tunai yang optimum.

Berpegang kepada penyampaian perkhidmatan yang efektif dan cekap yang merupakan teras kedua kami, adalah amat penting kerana kami berusaha untuk membandingkan aras prestasi penyampaian LPPSA dengan amalan industri terbaik. Dalam memperkuuhkan teras kedua,

kami telah memulakan sistem pengurusan pinjaman baharu untuk meningkatkan prestasi dan konsistensi yang mana dijangka akan diintegrasikan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2018. Dalam tempoh peralihan ini, LPPSA memberi tumpuan kepada pasca pemurnian data, untuk menyeragamkan dengan pemurnian data 2018 dan mengamalkan amalan perbankan umum dalam garis panduan operasi kami, menggariskan rangka kerja tadbir urus kami yang mantap bagi mengekalkan disiplin fiskal yang tinggi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Kita akan menyaksikan lebih banyak lagi penambahbaikan operasi dalam masa terdekat yang akan membawa kepada kecekapan dan pengalaman pelanggan yang lebih baik bagi LPPSA.

Sebagai sebuah agensi yang responsif secara sosial, LPPSA sentiasa mengalu-alukan idea baharu bersama cadangan yang boleh dilaksanakan, pilihan dan cadangan pembiayaan untuk pembiayaan perumahan bagi sektor awam.

Semua tindakan bersepadu di atas memberikan sumbangan yang lebih tinggi kepada Penilaian Kepuasan Pelanggan untuk tahun 2017 dengan skor sebanyak 77%.

Sebagai kesimpulannya, hasrat LPPSA untuk menjadi pembiaya perumahan bagi sektor awam telah dimulakan bukan sahaja melalui semakan terperinci ke atas operasi harian untuk menyediakan lebih banyak tawaran pasaran dan sosial yang lebih responsif malah juga dalam mengukuhkan urus tadbir dan rangka kerja modal kami, penyampaian pelanggan dan berusaha ke arah pengumpulan aset asas yang optimum.

Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah transformasi dan hasilnya boleh didapati dalam Sorotan Operasi, manakala Sorotan Kewangan pula menyediakan gambaran lebih jelas mengenai kestabilan kewangan pada 2017.

JOINT STATEMENT
KENYATAAN BERSAMA**FINANCIAL REVIEW – PRUDENT MANAGEMENT FOR SUSTAINABLE SELF-FINANCING**

Contributing towards a positive social impact within the public sector by enabling higher home ownership among civil servants, we would like to share a glimpse of our financial achievements made possible by our team at LPPSA.

In 2017, LPPSA achieved a total revenue of RM3.92 billion, registering an increase of RM661 million from RM3.26 billion in 2016.

LPPSA charted an encouraging result with an operating income (OI) of RM2.27 billion. The OI of 2017 increased by RM340.6 million to RM2.27 billion, due to higher repayment collection of RM647 million vis-à-vis a year before.

Simultaneously, LPPSA achieved a solid RM88.6 million of finance income in 2017, which is RM30.1 million higher than year 2016. The positive result was attributed to interest profit from the placement of RM33.6 million.

As for the expenditure records for 2017, LPPSA charted a total expense of RM1.75 billion, marked by higher sukuk coupon expenditure, maintenance of office building and utilities, and payment of professional fees for data cleansing projects. The impairment allowance for home financing also decreased by RM388 million.

The leadership's prudent financial management initiatives coupled with the strategic enablers managed to record a solid after-tax surplus of RM2.17 billion for LPPSA in 2017.

On the funding front, we launched our second Sukuk issuance on 2 March 2017, with a total value of RM3.25 billion in 6 tranches with tenures ranging from 5 to 30 years. The third Sukuk issuance was on 1 September 2017, with a total value of RM3.5 billion in 5 tranches with tenures ranging from 3 to 30 years.

SOROTAN KEWANGAN – PENGURUSAN BERHEMAH UNTUK MENGHASILKAN PEMBIAYAAN YANG MAMPAH

Transformasi ini membolehkan peningkatan pemilikan rumah yang tinggi dan memberi kesan positif kepada penjawat awam. Oleh itu, kami ingin berkongsi pencapaian kewangan di LPPSA.

Pada tahun 2017, LPPSA mencapai jumlah pendapatan sebanyak RM3.92 bilion, meningkatkan sebanyak RM661 juta dari RM3.26 bilion pada tahun 2016.

LPPSA mencatatkan hasil yang memberangsangkan dengan pendapatan operasi (PO) sebanyak RM2.27 bilion. PO pada tahun 2017 meningkat sebanyak RM340.6 juta kepada RM2.27 bilion, disokong oleh kutipan pembayaran balik yang lebih tinggi sebanyak RM647 juta berbanding tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, LPPSA mencatatkan pendapatan kewangan yang kukuh sebanyak RM88.6 juta pada tahun 2017, iaitu RM30.1 juta lebih tinggi berbanding tahun 2016. Keputusan positif ini disebabkan faedah daripada penempatan sebanyak RM33.6 juta.

Bagi perbelanjaan untuk tahun 2017 pula, LPPSA mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.75 bilion, peningkatan dalam perbelanjaan kupon sukuk, penyelenggaraan bangunan dan utiliti pejabat dan yuran profesional untuk projek pembersihan data. Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan juga menurun sebanyak RM388 juta.

Inisiatif-inisiatif pengurusan kewangan berhemah digabungkan dengan pelaksanaan strategik di atas berjaya mencatat lebihan cukai sebanyak RM2.17 bilion pada tahun 2017.

Untuk membiayai operasi, kami telah melancarkan terbitan Sukuk kedua pada 2 Mac 2017, berjumlah RM3.25 bilion dalam 6 kelompok dengan tempoh 5 hingga 30 tahun. Terbitan Sukuk ketiga pada 1 September 2017, berjumlah RM3.5 bilion dalam 5 kelompok dengan tempoh 3 hingga 30 tahun.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

OPERATIONAL REVIEW - CONTINUOUS TRANSFORMATION AND IMPROVEMENT

As a statutory body incorporated under the Public Sector Home Financing Board Act 2015 (Act 767), LPPSA is mandated to oversee the management of home financing for the public sector and took over the Housing Loan Division (BPP) of the Treasury under the Ministry of Finance, since 1 January 2016.

Since then, we have begun our rewarding transformation journey, where we embarked on a comprehensive strategy to position LPPSA as a premier home financier, on par with the industry.

In realising the pillars that support our efforts to be an excellent and sustainable home financier for the public sector as outlined in the "Strategic House", it gives us great pleasure to share with you the accomplishments we made in undertaking to improve the quality of our services and to meet the growing demands of our customers:

1. OUR ACHIEVEMENTS

Throughout the year 2017, LPPSA approved a total of 38,941 home financing applications, marginally higher than 2016 with 38,533 approved applications. Total approved financing value increased 7% to RM10.2 billion in 2017 from RM9.6 billion in 2016.

The commendable performance is due to sustained home ownership demand among the public sector, as we saw growing home ownership interest from the younger age group. The overall higher financing applications received and the rise in total approved financing value were also supported in tandem by measures announced by the Government to enable higher financing eligibility among employees in the public sector.

Approval Report

Approved Financing Applications Based on Financing Types

Based on 2017, Type 3, being financing for home under construction, represents 65% of total financing which is equivalent to 25,399 applications approved during the year. This was mainly driven by many Government affordable housing projects launched as a means to promote higher home ownership among public sector employees.

SOROTAN OPERASI – TRANSFORMASI DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Sebagai badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 (Akta 767), LPPSA diberi mandat untuk mengambil alih pengurusan pembiayaan perumahan sektor awam dari Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) di bawah Kementerian Kewangan, bermula pada 1 Januari 2016.

Sejak itu, LPPSA telah memulakan perjalanan transformasi, dengan melaksanakan strategi menyeluruh untuk meletakkan LPPSA sebagai sebuah agensi pembiayaan perumahan yang unggul, setanding dengan industri.

Dalam merealisasikan teras-teras yang menyokong usaha kami untuk menjadi pembiayaan perumahan yang cemerlang dan mampan untuk sektor awam, seperti yang digariskan dalam "Strategic House", kami amat berbesar hati untuk berkongsi dengan anda pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat.

1. PENCAPAIAN KAMI

Sepanjang tahun 2017, LPPSA telah meluluskan sebanyak 38,941 permohonan pembiayaan perumahan, dengan sedikit peningkatan berbanding tahun 2016 sebanyak 38,533 permohonan. Jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan meningkat sebanyak 7% kepada RM10.2 bilion pada tahun 2017 berbanding RM9.6 bilion pada tahun 2016.

Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan pemilikan rumah yang konsisten di kalangan sektor awam dengan peningkatan minat untuk memiliki rumah di kalangan golongan muda. Keseluruhan permohonan pembiayaan yang lebih tinggi diterima dan peningkatan jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan juga disokong oleh pengumuman Kerajaan mengenai peningkatan jumlah kelayakan pembiayaan perumahan.

Laporan Kelulusan

Permohonan Pembiayaan Yang Diluluskan Berdasarkan Jenis-jenis Pembiayaan

Bagi tahun 2017, Pembiayaan Jenis 3, iaitu pembiayaan untuk rumah dalam pembinaan, mewakili 65% atau bersamaan 25,399 permohonan yang diluluskan bagi tahun berkenaan. Ini didorong oleh peningkatan projek perumahan mampu milik Kerajaan yang dilancarkan sebagai salah satu cara untuk menggalakkan pemilikan rumah yang lebih tinggi di kalangan sektor awam.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

Figure 2 below shows a breakdown of total financing approved in year 2017 based on financing types.

Rajah 2 dibawah menunjukkan pecahan jumlah pembiayaan tahun 2017 yang diluluskan berdasarkan jenis pembiayaan.




Figure 2 / Rajah 2

Financing Applicants Demography by State

Figure 3 provides a quick overview of the demography of financing applicants by geographical areas. In terms of geographic location of financing applicants, the states of Perak, Selangor and Kedah were the top three states with the highest number of financing approved by LPPSA for both year 2016 and 2017.

Demografi Pemohon Pembiayaan Mengikut Negeri

Rajah 3 menunjukkan gambaran ringkas mengenai demografi pemohon pembiayaan berdasarkan kawasan geografi. Dari segi lokasi geografi pemohon pembiayaan dari negeri Perak, Selangor dan Kedah mencatatkan jumlah kelulusan tertinggi pada tahun 2016 dan 2017.

JOINT STATEMENT KENYATAAN BERSAMA

Figure below shows total financing approved in year 2017 based on state in Malaysia:

Rajah dibawah menunjukkan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan pada tahun 2017 mengikut negeri di Malaysia:




Figure 3 / Rajah 3

Borrowers ranging from the age group of between 20 to 29 years old showed a year-on-year increase of 51% in terms of total financing approved, marking a trend of young homeownership among public sector employees. Financing applicants from the 30 to 34 age group still represent the highest number of applicants for both year 2016 and 2017 due to generally more stable income as their career progresses.

Peminjam dari golongan umur 20 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan jumlah pembiayaan yang diluluskan dari tahun ke tahun sebanyak 51%. Ini membuktikan trend pemilikan rumah di kalangan kakitangan muda sektor awam. Pemohon pembiayaan dari golongan umur 30 hingga 34 tahun masih mewakili bilangan peminjam paling tinggi untuk kedua-dua tahun 2016 dan 2017, memandangkan pendapatan bagi golongan berkenaan lebih stabil sejajar dengan peningkatan kerjaya mereka.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

Table 1 below shows total financing approved based on age group:

Jadual 1 dibawah menunjukkan jumlah pembiayaan yang diluluskan mengikut kumpulan umur:

| Age Range/Kumpulan Umur | 2016 | % | 2017 | % |
|--------------------------------|---------------|-------------|---------------|-------------|
| 20-24 | 173 | 0.4% | 639 | 1.6% |
| 25-29 | 5,065 | 13.1% | 7,249 | 18.6% |
| 30-34 | 15,275 | 39.6% | 14,958 | 38.4% |
| 35-39 | 10,284 | 26.7% | 9,615 | 24.7% |
| 40-44 | 3,976 | 10.3% | 3,405 | 8.7% |
| 45-49 | 1,768 | 4.6% | 1,511 | 3.9% |
| 50-54 | 1,056 | 2.7% | 904 | 2.3% |
| 55-59 | 749 | 1.9% | 600 | 1.5% |
| 60-64 | 184 | 0.5% | 59 | 0.2% |
| 65-69 | 3 | 0.0% | 1 | 0.0% |
| Total/Jumlah | 38,533 | 100% | 38,941 | 100% |

Table 1 / Jadual 1

Disbursement Report

On financing disbursements for 2017, a total of RM9.8 billion was disbursed, compared with RM8.8 billion in 2016. The highest amount of financing disbursed by LPPSA fell within category Type 3, being financing for home under construction, due to increase of financing approval and new affordable housing project launched by the Government.

Laporan Pengeluaran Wang Pembiayaan

Bagi Pengeluaran Wang Pembiayaan tahun 2017, sejumlah RM9.8 bilion telah dikeluarkan, berbanding RM8.8 bilion pada tahun 2016. Jumlah pengeluaran wang pembiayaan tertinggi oleh LPPSA adalah bagi Pembiayaan Jenis 3, yang merupakan pembiayaan untuk rumah dalam pembinaan. Ini disebabkan oleh peningkatan kelulusan pembiayaan dan projek-projek perumahan mampu milik yang dilancarkan oleh Kerajaan.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA




Figure 4 / Rajah 4

A number of significant changes in home financing conditions for the public sector declared and implemented by the Government in 2017, which were instrumental in helping many public sector employees take their first steps in home ownership. Revision in home financing criteria for the public sector enforced during the year are highlighted as below:

Revised Home Financing Eligibility Schedule

During the year, the minimum and maximum financeable threshold allowed under LPPSA was amended, where the financeable range was raised from between RM120,000 and RM600,000 to between RM200,000 and RM750,000, respectively. Implementation of the change in financeable quantum for public sector home financing, announced in Budget 2017, was among the major factors that effectively increased eligibility among public sector employees leading to higher financing applications and total financing approved in 2017.

Revised Calculation Formula in Determining Financing Eligibility for Public Sector

As part of the Government's efforts to improve home ownership among public sector employees, the Public Service Department (JPA) announced a change in the department's guideline pertaining to the calculation of the maximum allowable monthly salary deduction and monthly take-home pay (nett salary) for LPPSA home financing.

The overall higher financing eligibility as a result of the new calculation formula contributed to higher financing approvals in terms of volume and value to borrowers in year 2017.

The policy review was warmly received by the public sector, as it helped many public sector employees to purchase their own homes, which is seen as a basic necessity.

Beberapa perubahan utama dalam proses pembiayaan perumahan bagi sektor awam yang diumumkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2017, memainkan peranan penting dalam membantu lebih ramai kakitangan sektor awam mengambil langkah pertama mereka dalam pemilikan perumahan. Perubahan dalam kriteria pembiayaan perumahan bagi sektor awam yang berkuatkuasa pada tahun tersebut diterangkan seperti di bawah:

Semakan Semula Jadual Kelayakan Pembiayaan Perumahan

Pada tahun semasa, jumlah minimum dan maksimum pembiayaan perumahan LPPSA telah dipinda, dimana amaun pembiayaan telah dinaikkan daripada RM120,000 hingga RM600,000 kepada RM200,000 hingga RM750,000. Pelaksanaan perubahan kelayakan pembiayaan yang diumumkan dalam Bajet 2017 adalah antara faktor utama yang memberi kesan dalam peningkatan kelayakan seterusnya membawa kepada pemohonan dan jumlah kelulusan pembiayaan yang lebih tinggi pada 2017.

Semakan Semula Formula Penetapan Kelayakan Pembiayaan Sektor Awam

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah di kalangan kakitangan sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengumumkan perubahan dalam garis panduan mengenai pengiraan potongan gaji bulanan maksimum dan pendapatan bersih bulanan penjawat awam bagi pembiayaan perumahan LPPSA.

Kelayakan pembiayaan yang lebih tinggi secara keseluruhannya adalah selepas pengenalan formula pengiraan baharu yang menyumbang kepada kelulusan pembiayaan yang lebih tinggi pada tahun 2017.

Semakan dasar tersebut telah diterima baik oleh sektor awam, memandangkan ia membantu lebih ramai kakitangan sektor awam membeli rumah, yang dianggap sebagai suatu keperluan asas.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

Higher Financing Approvals for Government Affordable Housing Projects

Financing for Government Affordable Housing Projects saw a significant increase of above 100% to 5,311 approved financing applications, or 14% of total financing approved throughout year 2017 compared with 2016, due to the many incentives and eligibility enhancements announced by the Government to the public sector.

Figure 5 shows the percentage of home financing approved for one of the Government Affordable Housing Projects, namely *Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)*:

Kelulusan Pembiayaan Yang Lebih Tinggi Bagi Projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan

Pembiayaan bagi Projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan menyaksikan peningkatan ketara melebihi 100% kepada 5,311 permohonan pembiayaan yang diluluskan, atau bersamaan 14% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan sepanjang tahun 2017 berbanding tahun 2016, disebabkan oleh pengenalan pelbagai insentif dan peningkatan kelayakan yang diumumkan oleh Kerajaan kepada sektor awam.

Rajah 5 menunjukkan peratusan pembiayaan rumah yang diluluskan untuk salah satu Projek Perumahan Mampu Milik Kerajaan, iaitu Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM):




Figure 5 / Rajah 5

2. INITIATIVES AND IMPROVEMENTS

Existing Operations

A comprehensive rationalisation of LPPSA's existing processes took place with a single objective – to enable LPPSA to dispense our function in a faster, more cost-effective and in a manner that delivers the most privileges to our customers. Here are among the steps taken to achieve this objective:

Work Processes

The streamlining process involved a holistic review of our existing work processes, Standard Operating Procedures (SOP), organisational structure, function and enhancement to the existing *Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB)* to reflect new work processes in line with industry best practice. The improvements were made with an aim to increase efficiency, meet our target turnaround time and improve overall customer experience.

Policies and Procedures

LPPSA's operations are governed by the Public Sector Home Financing Board Act 2015, where its procedures and processes are bound by Circular and Guidelines derived from the Act. Among the enhancements incorporated into our Circular and Guidelines including updating of requirement to determine the home financing eligibility limit to enable borrowers to gain a higher financing amount based on their existing monthly salary and take-home pay.

2. INISIATIF DAN PENAMBAHBAIKAN

Operasi Sedia Ada

Rasionalisasi yang komprehensif ke atas proses sedia ada LPPSA telah dilakukan dengan satu tujuan – untuk membolehkan LPPSA melaksanakan fungsinya dengan lebih cepat dan berkesan dari segi kos yang akan memberikan kelebihan kepada pelanggan kami. Berikut adalah antara langkah yang diambil bagi mencapai matlamat tersebut:

Proses Kerja

Penyelarasan proses kerja melibatkan semakan secara holistik terhadap proses kerja sedia ada, Prosedur Operasi Standard, struktur organisasi dan penambahbaikan terhadap Sistem Pengurusan Pinjaman (SPPB) sedia ada bagi mencerminkan proses kerja baharu yang sejajar dengan amalan terbaik industri. Penambahbaikan ini dibuat dengan tujuan meningkatkan kecekapan masa yang diambil bagi memenuhi sasaran "turnaround time" dan meningkatkan pengalaman pelanggan secara menyeluruh.

Dasar dan Prosedur

Operasi LPPSA ditadbir melalui Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015, di mana prosedur dan prosesnya tertakluk kepada Pekeliling dan Garis Panduan yang diperoleh daripada Akta tersebut. Antara penambahbaikan kepada Pekeliling dan Garis Panduan kami termasuk pengemaskinian had kelayakan pembiayaan perumahan yang membolehkan peminjam mendapat jumlah pembiayaan yang lebih tinggi berdasarkan kepada pendapatan bulanan dan pendapatan bersih mereka.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

This was carried out following a letter issued by the Public Service Department (JPA) dated 13 November 2017, which stated the department's decision to exempt public sector servants from requirements, namely:

- i A maximum monthly salary deduction of 60%; and
- ii A monthly take-home pay (nett salary) of not less than 40% after home financing deduction.

As a result, LPPSA reviewed its policy and announced a new financing eligibility formula on 23 November 2017 to allow up to 80% deduction in salary, provided the monthly take-home pay is not less than 20%. This has helped increase disposable income for property financing and resulted in a rise in total home financing approved in 2017.

The improvement in financing limit also effectively increased public sector employees' affordability of homes in strategic locations.

Managing Legacy Matters

Recognising the importance of preserving a healthy balance sheet and cashflow at all times, LPPSA has embarked on strategic steps to minimise the effects from legacy assets by deleveraging risky portfolios and non-performing financings.

In the last 2 years, a core part of our transformation efforts in this area was focused on rectifying legacy financings to mitigate operational risk and ensure sustainable funding moving forward.

Concerted steps were taken to instil higher competency in loan collection, data integrity and in preparation towards our new Loan Management System:

- i Data cleansing to ensure that customers' data is used in the most productive and meaningful measures;
- ii Intensify recovery efforts for impaired financings; and
- iii Other housekeeping exercises i.e. improving loan collection mechanism for timely and high repayment ratio, proper record management and recovery processes. Worth noting, LPPSA expanded its collection channels in 2017 by adding JomPay system as a convenient repayment channel for our customers.

Ini adalah selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 13 November 2017, yang mengecualikan kakitangan sektor awam daripada syarat berikut:

- i Potongan pendapatan bulanan maksimum sebanyak 60%; dan
- ii Pendapatan bersih bulanan tidak kurang dari 40% selepas potongan pembiayaan perumahan.

Oleh itu, LPPSA telah mengkaji semula dasar semasa dan mengumumkan formula kelayakan pembiayaan baharu pada 23 November 2017 untuk membenarkan potongan pendapatan sebanyak 80%, dengan syarat pendapatan bersih bulanan tidak kurang daripada 20%. Ini telah membantu meningkatkan pendapatan boleh guna bagi pembiayaan perumahan dan meningkatkan jumlah pembiayaan perumahan yang diluluskan pada 2017.

Pertambahan had kelulusan pembiayaan juga dapat meningkatkan kemampuan kakitangan sektor awam membeli rumah di lokasi strategik dan lebih selesa.

Menguruskan Perkara Legasi

Menyedari betapa pentingnya memelihara lembaran imbalan dan aliran tunai yang baik pada setiap masa, LPPSA telah memulakan langkah strategik meminimumkan portfolio berisiko dan pembiayaan tidak berbayar.

Sejak 2 tahun kebelakangan ini, tumpuan utama usaha transformasi kami adalah untuk mengemaskini pembiayaan terdahulu bagi mengurangkan risiko operasi dan memastikan pembiayaan yang mampu di masa hadapan.

Langkah-langkah bersepada telah diambil untuk memupuk kecekapan yang lebih tinggi dalam kutipan bayaran balik, integriti data dan sebagai persediaan ke arah Sistem Pengurusan Pembiayaan yang baharu:

- i Pemurnian data bagi memastikan data pelanggan digunakan dengan cara yang paling produktif dan bermakna;
- ii Peningkatan usaha pemulihan bagi pembiayaan yang terjejas; dan
- iii Amalan pengemaskinian yang lain seperti penambahbaikan kutipan dan kadar pembayaran yang tinggi dan tepat pada masanya, pengurusan rekod yang betul dan proses pemulihan pembiayaan. Selain itu, LPPSA memperluaskan kaedah kutipan pada tahun 2017 dengan menambah sistem JomPay sebagai saluran pembayaran balik pembiayaan yang memudahkan pelanggan kami.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

Shariah Compliance for Islamic Home Financing

As part of improvement towards offering Shariah compliance home financing, LPPSA has reviewed its current Islamic product with the objective to enhance customers' confidence. LPPSA's Islamic home financing scheme has been certified as fully Shariah-compliant by the Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). The certification by IBFIM has lend credence to LPPSA as a trusted Islamic home financing provider.

Enhanced Customer Service Performance

Building better and stronger relationship with current and potential customers of LPPSA is crucial to our success in the long-term. To ensure all queries are attended to in timely manner, Call Centre was established with a total of 18 Call Centre agents to manage all incoming enquiries and provide the latest information on home financing products, eligibility, as well as financing status updates. LPPSA's Call Centre in Putrajaya receives queries from customers throughout the country and operates five days a week (Monday to Friday) from 8.00am to 5.30pm.

The total number of answered calls and enquiries received by Call Centre in year 2017 was approximately 236,238, representing a slight increase from 2016 as an evidence of Call Centre's responsiveness and attentiveness towards all queries received.

To ensure that we provide the most accurate and latest information and to be able to proficiently address issues raised by customers, upskilling our information officers through regular training and information updates has become a crucial element in our operations.

Incorporate ICT in Customer Relationship Management

To optimise customer satisfaction, we simplified and streamlined our customer engagement process by employing two important systems to ensure our customer touchpoints are equipped not only with well-trained personnel, but also ICT technology to ensure the highest integrity and compliance in which our interactions with customers are managed. These two systems form the main components in our Customer Relationship Management System.

Pematuhan Shariah Bagi Pembiayaan Perumahan Islamik

Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan ke arah pematuhan pembiayaan perumahan patuh Shariah, LPPSA telah menyemak semula produk Islamik sedia ada dengan objektif untuk meningkatkan keyakinan pelanggan. Skim pembiayaan perumahan Islamik LPPSA telah diperakui patuh Shariah sepenuhnya oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM). Pensijilan daripada IBFIM telah memberi pengiktirafan kepada LPPSA sebagai penyedia pembiayaan perumahan Islamik yang dipercayai.

Prestasi Perkhidmatan Pelanggan Yang Dipertingkatkan

Membina hubungan yang lebih baik dan kukuh dengan pelanggan semasa dan bakal pelanggan LPPSA adalah penting untuk kerjaya jangka masa panjang. Untuk memastikan semua pertanyaan dijawab dalam tempoh yang ditetapkan, Pusat Panggilan telah ditubuhkan dengan sejumlah 18 ejen panggilan pusat untuk menguruskan semua pertanyaan masuk serta memberikan maklumat terkini tentang produk pembiayaan perumahan, kelayakan,

serta makluman terkini status pembiayaan. Pusat Panggilan LPPSA di Putrajaya menerima pertanyaan daripada pelanggan dari seluruh negeri dan beroperasi lima hari seminggu (Isnin hingga Jumaat) dari 8.00 pagi sehingga 5.30 petang.

Jumlah panggilan dan pertanyaan yang diterima oleh Pusat Panggilan pada tahun 2017 adalah kira-kira sebanyak 236,238, menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2016. Ini membuktikan tahap responsif dan keprihatinan Pusat Panggilan terhadap semua pertanyaan yang diterima.

Bagi memastikan kami memberikan maklumat yang tepat dan terkini serta mampu menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh para pelanggan, kemahiran ejen-ejen pusat panggilan sentiasa ditambah baik melalui latihan berterusan telah menjadi elemen penting dalam operasi kami.

Menggabungkan ICT Dalam Pengurusan Perhubungan Pelanggan

Bagi mengoptimumkan kepuasan pelanggan, kami mempermudahkan dan memperkemaskan proses penglibatan pelanggan dengan menggunakan dua sistem penting untuk memastikan *touchpoints* pelanggan kami dilengkapi bukan sahaja dengan kakitangan yang terlatih, bahkan dilengkapi dengan teknologi ICT dalam menguruskan interaksi bersama pelanggan untuk memastikan integriti dan pematuhan tertinggi. Kedua-dua sistem tersebut membentuk komponen utama dalam Sistem Pengurusan Hubungan Pelanggan kami.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

e-Ticketing System

- Launched on 15 August 2016, the e-ticketing platform was further enhanced in 2017 as a tool to monitor and track all call centre conversations with LPPSA's customers, including stakeholders such as developers, lawyers and other agencies. The e-ticketing platform organises queries, suggestions and complaints to be conveyed to qualified personnel from the Corporate Communications Department. These are escalated to the Operation Division or departments under the Operation Division, when the need arises. On average, the e-ticketing system records a total of 80 to 150 queries daily and about 1,500 to 2,000 queries on a monthly basis.

V-Tiger System

- Introduced in 2016, the V-Tiger System is developed to facilitate online transmission of responses by the respective departments to all customers. Our charter requires all queries channelled from the call centre to be responded to within five working days. Average number of complaints and inquiries received by the call centre is around 2,000 to 2,100 per month.

Engagements and Outreach Programmes

Project Rintis for East Malaysia

- As part of our nationwide awareness drive, LPPSA is looking forward to organise more engagements with our customers and potential customers in East Malaysia, through Project Rintis to be deployed in both Sabah and Sarawak. The objective of Project Rintis is to schedule monthly visits to Sabah and Sarawak where LPPSA teams strive to increase awareness and to provide our services for the benefits of public sector employees in the East Malaysian states.

Sistem e-Tiket

- Dilancarkan pada 15 Ogos 2016, platform e-Tiket ditambah baik lagi pada tahun 2017 sebagai satu alat untuk memantau dan mengesahkan semua perbualan pusat panggilan dengan pelanggan LPPSA, termasuklah pihak berkepentingan seperti pemaju, peguam dan agensi-agensi lain. Platform e-Tiket ini berfungsi dalam menguruskan pertanyaan, cadangan dan aduan yang disampaikan terus kepada Jabatan Komunikasi Korporat. Hal-hal tersebut akan disalurkan kepada Bahagian Operasi atau jabatan dibawah Bahagian Operasi. Secara purata, sistem e-Tiket merekodkan sejumlah 80 hingga 150 pertanyaan setiap hari dan kira-kira 1,500 hingga 2,000 pertanyaan setiap bulan.

Sistem V-Tiger

- Diperkenalkan pada tahun 2016, Sistem V-Tiger dibangunkan untuk membantu penghantaran maklum balas dalam talian oleh setiap jabatan kepada semua pelanggan. Piagam kami adalah untuk memastikan semua pertanyaan yang disalurkan dari pusat panggilan perlu dijawab dalam tempoh lima hari bekerja. Purata bilangan aduan dan pertanyaan yang diterima oleh pusat panggilan ialah sekitar 2,000 hingga 2,100 setiap bulan.

Program Penglibatan dan Outreach

Projek Rintis bagi Malaysia Timur

- Sebagai sebahagian usaha kami untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelanggan seluruh negara, LPPSA merancang untuk menganjurkan lebih banyak penglibatan dengan para pelanggan dan bakal pelanggan di Malaysia Timur melalui Projek Rintis. Objektif Projek Rintis adalah untuk menjadualkan lawatan secara bulanan ke Sabah dan Sarawak di mana pasukan LPPSA berusaha meningkatkan kesedaran serta menyediakan perkhidmatan dan faedah perkhidmatan kami di kalangan kakitangan sektor awam di Malaysia Timur.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA


Engagements with Agencies and Stakeholders

- In 2017, we kicked-off a nationwide public sector roadshow and engagement programme LPPSA teams would meet our customers on the ground to provide briefings at Government agencies, set-up service counters in collaboration with other Government agencies, participate in property exhibitions, as well as hold talks with stakeholders including Real Estate & Housing Developers' Association Malaysia (REHDA), The Malaysian Bar, Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS), and other agencies.

Penglibatan Bersama Agensi dan Pihak Berkepentingan

- Pada tahun 2017, kami memulakan agenda penjelajahan di seluruh negara di mana LPPSA akan bertemu pelanggan dengan matlamat untuk memberikan taklimat berkaitan kepada agensi Kerajaan, menyediakan kaunter perkhidmatan bersama agensi Kerajaan yang lain, mengambil bahagian dalam pameran hartanah dan juga menganjurkan taklimat kepada pihak berkepentingan termasuk Persatuan Pemaju Hartanah & Perumahan Malaysia (REHDA), Majlis Peguam Malaysia, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), serta agensi-agensi lain.

- Last year, LPPSA conducted a total of 137 engagement sessions. Among these sessions include partnership with agencies from MOF in rolling out their Mobile Community Transformation Centre (CTC) that aims to deliver much-needed services to remote and rural areas. The collaboration is also extended to events related to promoting Government affordable housing projects.
- Tahun lalu, LPPSA telah melaksanakan sebanyak 137 sesi penglibatan bersama. Antara aktiviti sesi ini termasuk perkongsian bersama agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan dalam melaksanakan program Mobile-CTC yang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang sangat diperlukan di kawasan pedalaman dan luar bandar. Kerjasama itu juga diperluaskan kepada acara yang berkaitan dengan mempromosi projek perumahan mampu milik oleh Kerajaan.



JOINT STATEMENT
KENYATAAN BERSAMA



Launch of LPPSA Official Facebook

Social media is increasingly recognised as an avenue that holds tremendous power to drive and influence change in society. Embracing social media as our crucial engagement and marketing tool, LPPSA launched our official Facebook page in August 2017.

As of December 2017, LPPSA Facebook account garnered a total of 5,231 followers, with a reach span of 138,173 clicks. It is certainly a commendable effort as we opened a new communication channel favoured by young millennials and the working class in the country. Going forward, Facebook will be one of our primary avenues to interact with our customers and extended stakeholders via regular sharing of the latest announcements, updates and other pertinent information.

Pelancaran Facebook Rasmi LPPSA

Media sosial semakin diakui sebagai platform terbaik untuk memacu perubahan dalam masyarakat. Dengan mengiktiraf media sosial sebagai medium penglibatan dan pemasaran penting, LPPSA telah melancarkan laman Facebook rasmi pada bulan Ogos 2017.

Sehingga Disember 2017, akaun Facebook LPPSA telah mencatatkan sejumlah 5,231 pengikut dan merekodkan sebanyak 138,173 klik. Ia sememangnya merupakan usaha terpuji memandangkan kami baru sahaja membuka saluran komunikasi yang disukai oleh pekerja generasi milenium di negara ini. Menuju ke hadapan, Facebook akan menjadi salah satu platform utama kami untuk berinteraksi dengan pelanggan dan pihak berkepentingan yang akan diperluaskan melalui perkongsian pengumuman, pengemaskinian dan maklumat berkaitan yang lain.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

3. MOVING FORWARD

Loan Management System (LMS) – a game changer to LPPSA's operational effectiveness and efficiency

Driven by “Strategic House” approach to adopt measures for continuous process improvements and excellence in service delivery, LPPSA has embarked on a new development LMS to replace the existing *Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu* (SPPB). This is to streamline our work processes and existing IT system for improved deliverables in turnaround time, quality of service and, ultimately result in enhanced reputation with our customers.

Expected to be fully functional by 2 January 2019, the new LMS will function as the core system in managing all home financing operations of LPPSA.

The LMS project kicked off in July 2017. As of December 2017, we have completed user requirement gathering, whilst system design was under development stage.

The new LMS is designed to raise efficiency and effectiveness of LPPSA daily operations and processes with a reliable, secure and customised application software to meet our current operation needs.

Scalable and robust, LMS enables LPPSA to readily cater for future enhancements as technological and industry advancements continue to evolve and ensure LPPSA's long-term credibility as a preferred home financier for the public sector.

LMS is expected to enhance user experience across the board for LPPSA's key business units and end users, as well as borrowers, solicitors, insurance panels, collaborating agencies, and related stakeholders.

Among the key benefits of LMS is to provide a more efficient and customer-friendly online service, while meeting accrual accounting requirements, optimises resources, supports Shariah-based financing, enables better account management and fully complies with the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA).

For LPPSA's existing and future customers, the new improved user interface assures data integrity for all account transactions as each account activity is traceable with an audit tracking system.

3. MENUJU KE HADAPAN

Sistem Pengurusan Pinjaman (LMS) – Pemangkin perubahan kepada keberkesanan dan kecekapan operasi LPPSA

Dipacu oleh pendekatan “Strategic House” bagi menggunakan langkah-langkah untuk penambahbaikan dan kecemerlangan proses yang berterusan dalam penyampaian perkhidmatan, LPPSA telah memulakan pembangunan LMS baharu bagi menggantikan Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB). Ini untuk menyelaraskan proses kerja dan sistem IT untuk penyampaian yang lebih baik dalam tempoh masa yang diambil, kualiti perkhidmatan dan akhirnya, meningkatkan reputasi dengan pelanggan kami.

Sistem ini dijangka bermula sepenuhnya menjelang 2 Januari 2019, LMS baharu akan berfungsi sebagai sistem teras dalam menguruskan semua operasi pembiayaan perumahan di LPPSA.

Projek LMS bermula pada bulan Julai 2017 dan sehingga Disember 2017, kami telah menyelesaikan pengumpulan keperluan pengguna, sementara reka bentuk sistem sedang dalam tahap pembangunan.

LMS direka untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi dan proses harian LPPSA dengan perisian aplikasi yang dipercayai, selamat dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan operasi semasa kami.

LMS membolehkan LPPSA untuk menampung keperluan penambahbaikan pada masa akan datang, seiring dengan kemajuan teknologi dan industri yang terus berkembang serta memastikan kredibiliti jangka masa panjang sebagai pembiayaan perumahan pilihan sektor awam.

LMS dijangka meningkatkan pengalaman pengguna kepada unit perniagaan utama LPPSA dan pengguna akhir, termasuk peminjam, peguam, panel insurans, agensi yang bekerjasama, serta pihak berkepentingan yang berkaitan.

Di antara manfaat utama LMS adalah untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian yang lebih cekap dan mesra pelanggan, dalam memenuhi keperluan perakaunan akruan, mengoptimalkan sumber, menyokong pembiayaan berdasarkan Syariah, membolehkan pengurusan akaun yang lebih baik dan mematuhi sepenuhnya Sistem Perakaunan Piawaian untuk Agensi Kerajaan (SAGA).

Bagi pelanggan sedia ada dan masa hadapan LPPSA, perantaraan pengguna yang dipertingkatkan telah dilancarkan bagi memastikan integriti data untuk semua transaksi akaun dengan setiap aktiviti akaun dapat dikesan melalui jejak audit.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

Implementation of new initiatives announced under Budget 2018

We are excited to share that LPPSA will be introducing more initiatives that will form part of borrowers' privileges, as announced by the Government in Budget 2018 on 27 October 2017.

Pelaksanaan inisiatif baharu yang diumumkan di bawah Bajet 2018

Kami amat teruja untuk berkongsi bahawa LPPSA akan memperkenalkan lebih banyak inisiatif yang akan menjadi sebahagian daripada keistimewaan peminjam, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017.

Recognised Initiatives/ Inisiatif yang Diiktiraf

- a. Enabling LPPSA home financing for properties developed on waqf land.
- a. Membenarkan pembiayaan LPPSA ke atas harta tanah yang dibangunkan di atas tanah wakaf.
- b. To include legal fees relating to the provision of home financing agreements as part of the LPPSA financing scope.
- b. Memasukkan yuran guaman berkaitan penyediaan perjanjian pembiayaan perumahan sebagai sebahagian daripada skop pembiayaan LPPSA.
- c. Enabling joint home financing between spouse/ husband/ wife and children provided that at least one/ all applicants are members of the public service.
- c. Membenarkan pembiayaan perumahan bersama antara suami isteri atau anak-anak dengan syarat semua pemohon adalah anggota perkhidmatan awam.

Benefits to Public Sector Employees/ Manfaat kepada Kakitangan Sektor Awam

- More options to own homes through Islamic leasing waqf concept.
- Lebih banyak pilihan untuk memiliki rumah melalui konsep pajakan Islam secara wakaf.
- Allows public sector employees to own homes without high financial commitment in the early stage.
- Membolehkan kakitangan sektor awam memiliki rumah tanpa komitmen kewangan yang tinggi pada peringkat awal.
- Opportunity to obtain higher financing and increase affordability to own more comfortable house in strategic location.
- Memberi peluang mendapatkan pembiayaan yang lebih tinggi dan meningkatkan kemampuan untuk memiliki rumah yang lebih selesa di lokasi strategik.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

LPPSA'S STORY - DRIVEN BY PERFORMANCE

Moving forward, LPPSA aspires to continue developing and implementing a strong corporate governance framework, complemented by robust risk management and internal cost control measures for sustainable operations. In this respect, LPPSA will remain innovative and proactive to achieve our vision.

We endeavour to upkeep our strong performance in all aspects of our operations and our team's Key Performance Indicators (KPIs) to achieve each strategic objectives.

Looking ahead, we believe LPPSA is geared in the right direction to be the preferred choice in home financing for the public sector. Our strategy and initiatives will be constantly reviewed and realigned to provide a realistic and practical roadmap in achieving our vision.

PROSPECTS 2018

As 2018 beckons, we anticipate the residential property segment to see a gentle recovery in 2018, as our economy continues its trajectory of growth with stronger domestic demand and the oversupply situation lessens in severity. With property prices in the sub-sale market and prices in new launches moderating, potential buyers and investors are switching away from a 'wait-and-see' approach and are now genuinely seeking good bargains in the market.

We foresee the year 2018 to be promising for LPPSA, not only in terms of maintaining positive revenue from our sustainable financing framework, but also in terms of overall demand for properties among the public sector.

The challenge that we face is to ensure LPPSA is able to meet this increasing demand in a manner that is sustainable. This will require nothing less than a high level of operational efficiency and investment acuity – both of which are well established in LPPSA's processes.

While we have attained considerable success in this regard, we believe that more can and must be done. For a start, LPPSA aims to strengthen our role by playing a more important role to shape the property development sector.

Through close collaboration and engagement with property developers and relevant stakeholders, we aim to create a socially sensitive yet progressive ecosystem that is truly supportive of the housing needs of Malaysians.

PERJALANAN LPPSA-DIPACU OLEH PRESTASI

Menuju ke hadapan, LPPSA berhasrat untuk terus membangun dan melaksanakan rangka kerja tadbir urus korporat yang kukuh, dilengkapi dengan pengurusan risiko yang ketat dan langkah kawalan kos dalaman bagi mencapai operasi yang mampan. Oleh itu, LPPSA akan kekal berinovatif dan proaktif untuk mencapai visi kami.

Kami berusaha untuk mengekalkan prestasi yang kukuh dalam semua aspek operasi dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk LPPSA bagi mencapai setiap objektif strategik.

Melihat ke hadapan, kami percaya bahawa LPPSA telah dipacu ke arah yang betul untuk menjadi pembiaya perumahan pilihan bagi sektor awam. Strategi dan inisiatif kami akan sentiasa disemak dan disusun semula bagi menyediakan pelan yang realistik dan praktikal dalam mencapai visi kami.

PROSPEK 2018

Pada tahun 2018, kami menjangkakan segmen harta tanah kediaman merekodkan sedikit pemulihan memandangkan ekonomi negara beransur pulih dengan jangkaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan keadaan lebihan bekalan semakin berkurangan. Dengan harga harta tanah di pasaran sub-jualan dan harga pelancaran baharu semakin menyederhana, bakal pembeli dan pelabur beralih dari pendekatan 'tunggu-dan-lihat' kepada mencari tawaran berbaik di pasaran ketika ini.

Kami menjangkakan tahun 2018 adalah tahun yang menggalakkan bagi LPPSA, bukan sahaja dari segi mengekalkan pendapatan yang positif melalui rangka kerja pembiayaan yang mampan, tetapi juga dari segi permintaan keseluruhan bagi harta tanah di kalangan sektor awam.

Cabaran yang bakal dihadapi oleh LPPSA adalah untuk kekal mampan dengan memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Ini memerlukan tahap kecekapan operasi dan kepintaran dalam melaksanakan pelaburan yang mana kedua-duanya telah sedia mantap dalam setiap proses di LPPSA.

Walaupun kami telah mencapai kejayaan yang besar dalam perkara ini, kami percaya bahawa terdapat banyak lagi yang boleh dan harus dilakukan. Sebagai permulaan, LPPSA menyasarkan untuk mengukuhkan peranan kami dengan memainkan peranan yang lebih penting dalam membentuk pembangunan sektor harta tanah.

Melalui kerjasama dan penglibatan yang akrab bersama dengan pemaju harta tanah dan pihak berkepentingan yang berkaitan, kami berhasrat untuk mewujudkan ekosistem progresif yang sensitif kepada keperluan sosial dan benar-benar menyokong keperluan rakyat Malaysia.

JOINT STATEMENT

KENYATAAN BERSAMA

This is an exciting time for all Malaysians, with a new Government that seeks to meet the needs of all citizens. At LPPSA, we are steadfast in providing as much support as we can within the sphere of housing, to ensure everyone in the public sector is able to afford a home.

Going forward, our role as a public sector home financing provider will strengthen even further, driven by constant process improvements to meet growing demands complemented by the Government's plans to provide more affordable housing and better access to financing schemes. Our fully integrated new LMS is now geared to reduce red tape to shift our overall efficiency in salary-deduction processes to high gear.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board and the management, we would like to take this opportunity to extend our sincere appreciation to all our stakeholders for their confidence and unyielding support towards LPPSA in the last two years.

We promise to further strengthen our core values as we move towards our vision. We would also like to thank our fellow Board members for their invaluable views and advice in guiding the team forward. Our special thanks to all our colleagues in MOF for their dedicated service and leadership in the last two years, which in part have helped set up the fundamental framework for LPPSA.

Our appreciation also goes to all our team in LPPSA for their hard work, commitment, and diligence in realising LPPSA's strategy and ambition. We trust that, with the commitment

and dedication of our management team and employees and with the support from our stakeholders, LPPSA will be able to carry out our mission and achieve our ultimate vision soon.

We thank you for your continuous support.

Ini adalah masa yang mengujakan bagi semua rakyat Malaysia, dengan Kerajaan baharu yang berusaha untuk memenuhi keperluan semua warganegara. Di LPPSA, kami sangat komited untuk memberikan sokongan sepenuhnya dalam bidang perumahan bagi memastikan semua kakitangan sektor awam mampu memiliki rumah.

Menuju ke hadapan, peranan kami sebagai penyedia pembiayaan perumahan sektor awam akan terus bertambah kukuh, didorong oleh peningkatan proses yang berterusan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan melengkapkan rancangan Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak perumahan mampu milik serta akses yang lebih baik kepada skim-skim pembiayaan. LMS yang terintegrasi sepenuhnya kini berperanan untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam menambahbaik kecekapan kami dalam proses pemotongan gaji dengan lebih efisien.

PENGHARGAAN

Bagi pihak ahli Lembaga dan pengurusan LPPSA, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kami kepada semua pihak berkepentingan di atas kepercayaan dan sokongan kepada LPPSA sepanjang tempoh dua tahun yang lalu.

Kami bertekad untuk memperkuatkan nilai-nilai utama demi mencapai visi LPPSA. Kami juga ingin megucapkan jutaan terima kasih kepada ahli Lembaga di atas pandangan dan nasihat berasal mereka dalam membimbing LPPSA ke tahap yang lebih baik. Terima kasih juga kepada semua pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan di atas khidmat dan bimbingan mereka yang telah membantu merencanakan perubahan LPPSA.

Penghargaan kami juga diberikan kepada semua warga di LPPSA di atas komitmen dan ketekunan mereka dalam merealisasikan strategi dan cita-cita LPPSA. Kami percaya dengan komitmen dan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh setiap kakitangan serta sokongan daripada pihak berkepentingan, LPPSA dapat melaksanakan misi dan mencapai visinya tidak lama lagi.

Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda semua di atas sokongan berterusan yang diberikan.

DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR

Chairman/Pengerusi

DATO' KAMAL BIN MOHD ALI

Chief Executive Officer/

Ketua Pegawai Eksekutif

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

LPPSA, also known as the Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, being an agency under the Ministry of Finance, our mission and values are closely knitted with the community we serve: members of the public sector. Hence, awareness of LPPSA's mission and value among members of the public sector is the key to facilitate LPPSA's success in fulfilling our missions and values.

At LPPSA, we identified building network and relationship with the public sector as an important part of our corporate responsibility. It is through community service that we create sustainable and positive impact to LPPSA's communities which subsequently strengthens our reputation, and work towards our vision to be an excellent and sustainable property financier in Malaysia.

LPPSA yang juga dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan, di mana misi dan nilai kami sangat berkait rapat dengan komuniti kami berkhidmat iaitu kakitangan sektor awam. Oleh itu, kesedaran mengenai misi dan nilai LPPSA di kalangan kakitangan sektor awam adalah kunci kejayaan LPPSA untuk memenuhi misi dan nilainya.

Di LPPSA, kami mengenal pasti bahawa menjalankan rangkaian dan hubungan dengan sektor awam merupakan sebahagian penting dalam tanggungjawab korporat kami. Menerusi khidmat komuniti, kami mewujudkan kesan yang mampan dan positif kepada komuniti LPPSA, yang seterusnya memperkuuhkan lagi reputasi dan kerja kami dalam mencapai visi untuk menjadi pembiaya hartaan yang cemerlang dan mampan di Malaysia.



ENVIRONMENT/
PERSEKITARAN

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

ENVIRONMENTAL FRIENDLY

Part of our efforts in giving back to the community includes our aims to have a positive impact on the environment through our corporate social responsibility (CSR) programmes. We believe that the methods we manage our services produced both direct and indirect impacts on the environment. Being an environmentally responsible organisation, we were committed to reducing the carbon footprints of the environment through our operation processes. We strived to have our process becoming increasingly environmental-friendly and we have launched several initiatives to empower employees and communities to go green by promoting a series of environmental awareness projects and campaigns.

IMPROVE ENERGY EFFICIENCY

Energy consumption has a direct impact on the carbon footprints of our environment. Optimising LPPSA's energy consumption and improving efficiency were the immediate initiatives to create results. We organised educational programmes on power trip prevention, energy saving and safety precautionary measures. These sessions were held for all levels of employees at LPPSA to create awareness among our teams and contractors about the importance of energy saving and reducing wastage.

MESRA ALAM

Sebahagian daripada usaha untuk memberi semula sumbangan kepada komuniti turut melibatkan sasaran kami untuk memberi kesan positif terhadap alam sekitar melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Kami percaya bahawa kaedah yang kami gunakan dalam urusan perkhidmatan telah memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada alam sekitar. Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, kami komited untuk mengurangkan impak karbon kepada alam sekitar melalui proses operasi. Kami berusaha untuk memastikan proses perkhidmatan kami semakin mesra alam. Kami melancarkan beberapa inisiatif untuk memperkasakan pekerja dan komuniti agar lebih mesra alam dengan mempromosikan beberapa siri projek dan kempen kesedaran alam sekitar.

MENAMBAH BAIK KECEKAPAN TENAGA

Penggunaan tenaga mempunyai kesan langsung kepada kehadiran karbon di persekitaran kita. Inisiatif segera yang memberikan hasil adalah melalui penggunaan tenaga elektrik yang optimum dan lebih efisyen. Kami menganjurkan program pendidikan mengenai pencegahan litar pintas, penjimatan tenaga dan langkah-langkah keselamatan. Sesi-sesi ini telah diadakan untuk semua peringkat pekerja di LPPSA untuk mewujudkan kesedaran di antara pasukan dan kontraktor kami tentang kepentingan penjimatan tenaga dan mengurangkan pembaziran.

Among the energy saving exercises, the most effective and sustainable ones were the zero cost initiatives, such as:



As a result of the initiatives above, we managed to reduce 4% of our energy consumption in 2017 with a total energy bill of RM2.0 million for the LPPSA building compared to RM2.2 million in 2016. The saving is illustrated below:

Hasil daripada inisiatif di atas, kami berjaya mengurangkan 4% daripada penggunaan tenaga pada tahun 2017 dengan bil tenaga keseluruhan sebanyak RM2.0 juta di bangunan LPPSA berbanding pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM2.2 juta. Rajah dibawah menunjukkan penjimatan yang diperolehi:

COST COMPARISON FOR ELECTRICITY USAGE (RM)

PERBANDINGAN KOS BAGI PENGGUNAAN ELEKTRIK (RM)



GIVING BACK TO THE COMMUNITY
SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

Our employees are our greatest asset in embedding sustainability in our services to the nation. Therefore, it is imminent that LPPSA plays the role as a responsible employer well. This responsibility involves commitments such as providing opportunities and incentives to our employees; creating learning and development platforms for employees to continuously build and develop their potentials. Only through adequate learning and training platforms, we were able to advance and hone the skills and knowledge of the employees. As a result, we saw increased efficiency and effectiveness of our employees.

For the year under review, LPPSA has a total workforce of 680 employees, of which 270 (40%) employees were in permanent positions, while 236 (35%) in contract employments; and 174 (25%) government employees ended their secondment period by 31 December 2017.

Kakitangan kami merupakan aset yang penting dalam memupuk kemampuan dalam perkhidmatan kami kepada sektor awam. Oleh itu, sudah pasti LPPSA memainkan peranan sebagai majikan yang bertanggungjawab dengan baik. Tanggungjawab ini meliputi penyediakan peluang dan insentif, mewujudkan platform pembelajaran dan pembangunan dalam membina dan membangunkan potensi mereka secara berterusan. Hanya melalui platform pembelajaran dan latihan yang mencukupi sahaja kami mampu meningkatkan dan mengasah kemahiran dan pengetahuan mereka. Hasilnya, kami mendapat kecekapan dan keberkesan di kalangan kakitangan kami telah meningkat.


Dalam tahun 2017, LPPSA bertanggungjawab terhadap keseluruhan tenaga kerja seramai 680 kakitangan di mana 270 (40%) kakitangan adalah kakitangan tetap, 236 (35%) adalah kakitangan kontrak; dan 174 (25%) adalah kakitangan Kerajaan yang akan menamatkan tempoh peminjaman mereka pada 31 Disember 2017.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

STAFFING BY STATUS OF EMPLOYMENT/ BILANGAN PEKERJA BERDASARKAN STATUS PEKERJAAN

| Government Secondment Kakitangan Pinjaman | Permanent Tetap | Contract Kontrak | Total Staff Jumlah Pekerja |
|--|--------------------|---------------------|-------------------------------|
| 174 | + 270 | + 236 | = 680 |



LEARNING AND ORGANISATION DEVELOPMENT

At LPPSA, we subscribed to continuous efforts in talent development as part of our employee benefits. In 2017, we invested a total of RM3.0 million on employee training and development. We also made training and development a mandatory category under our Performance Management System (PMS) where each employee was required to fulfill 40 mandatory training hours. We managed to have all employees fulfilled the required training hours, averaging 85 hours per year per employee. The training and development programme included internal training, public training and overseas training which focused on four key areas, namely Self-Awareness Training, Leadership Awareness Training, Functional Training and Business Training.

In 2016, we launched a Talent Management Index Programme (TMI) to develop a sustainable talent pipeline. This programme was targeted at higher performers who have demonstrated leadership potential. These talents were placed on a platform of comprehensive learning and development programme intended to address any gaps of their knowledge or skills to fully realising their potentials. This TMI programme was proven to be effective with 18% of talents who took part in the programme being promoted in 2018.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

Di LPPSA, kami menjalankan usaha berterusan dalam pembangunan bakat dan ini merupakan sebahagian daripada manfaat kepada kakitangan. Pada tahun 2017, kami melabur sebanyak RM3.0 juta untuk latihan dan pembangunan kakitangan. Kami juga menjadikan latihan dan pembangunan kakitangan sebagai kategori mandatori di bawah Sistem Pengurusan Prestasi di mana setiap kakitangan wajib menghadiri 40 jam latihan dalam setahun. Kami berjaya mencapai matlamat ini dengan semua kakitangan telah memenuhi syarat jam latihan yang diperlukan, iaitu purata 85 jam setahun bagi setiap pekerja.

Program latihan dan pembangunan termasuklah latihan dalaman, latihan awam dan latihan luar negara yang memberi fokus kepada empat bidang utama, iaitu Kursus Pembangunan Kendiri, Kursus Kepimpinan, Kursus Teknikal dan Kursus Pengurusan.

Pada tahun 2016, kami melancarkan Program Indeks Pengurusan Bakat untuk membangunkan bakat secara mampan. Program ini disasarkan kepada kakitangan berprestasi tinggi yang telah menunjukkan potensi kepimpinan yang cemerlang. Bakat-bakat ini diletakkan di platform program pembelajaran dan pembangunan yang komprehensif bertujuan bagi menangani sebarang jurang ilmu atau kemahiran bagi membantu mereka menyedari potensi sebenar mereka. Program TMI ini terbukti berkesan di mana 18% bakat yang mengambil bahagian dalam program ini telah dinaikkan pangkat pada tahun 2018.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

LPPSA'S EMERGENCY RESPONSE TEAM (ERT) AND FIRST-AIDER COURSE

At LPPSA, we take issues such as workplace environment, safety and health seriously. Thus, ERT and First Aider services are the much needed capabilities among employees in the event of any unexpected emergencies. LPPSA provided our employees with these trainings in order to provide orientation and opportunities, especially the newly appointed team for the year 2017, to learn more about their functions and responsibilities as part of the ERT and to equip them with essential first aid tips in the event of an emergency in the workplace.

ANTI-CORRUPTION PLEDGE

As a responsible home financing board for the public sector, LPPSA has responded to the Malaysian's Anti-Corruption Commission's call by taking the initiative of signing the Corruption-Free Pledge (IBR). The ceremony was held at the LPPSA Assembly Hall and attended by the Director of the MACC Community Education Division, YBhg. Dato' Hj. Abdul Samat Kasah.

This is a pledge of corporate integrity as it emphasises the pledge and promises made by the LPPSA Senior Management and our employees to uphold their responsibilities and accountability without violating any code of conduct; compromising our integrity or engaging in any activity involving corruption and abuse of power.

LPPSA INTEGRITY DAY

In line with our anti-corruption pledge, LPPSA celebrated our Integrity Day 2017 on 15 November 2017 at Putra Auditorium B2, Putrajaya International Convention Center (PICC). The theme of the celebration was "Integrity in our Pursuit of Excellence".

This celebration is part of our efforts in strengthening ethics and integrity of LPPSA employees; as well as cultivating integrity as a way of life and current job functions.

KURSUS PASUKAN TINDAK BALAS KECEMASAN DAN PERTOLONGAN KECEMASAN LPPSA

Di LPPSA, kami mengambil berat mengenai isu-isu seperti persekitaran tempat kerja, keselamatan dan kesihatan. Oleh itu, Perkhidmatan ERT dan Pertolongan Cemas merupakan kemahiran yang sangat diperlukan oleh kakitangan jika berlaku sebarang kejadian yang tidak dijangka. LPPSA menyediakan latihan ini kepada kakitangan dalam usaha untuk menyediakan orientasi dan peluang, terutamanya kepada pasukan yang baru dilantik untuk tahun 2017, untuk mereka mengetahui lebih lanjut mengenai fungsi dan tanggungjawab dalam ERT dan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan mengenai pertolongan cemas yang penting sekiranya berlaku kecemasan di tempat kerja.

IKRAR ANTI RASUAH

Sebagai sebuah lembaga yang bertanggungjawab untuk menguruskan pembiayaan perumahan untuk sektor awam, LPPSA juga telah menyahut saranan Suruhanjaya Anti Rasuah untuk melaksanakan inisiatif menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Majlis berkenaan telah berlangsung di Dewan Perhimpunan LPPSA dan dihadiri Pengarah Bahagian Pendidikan Komuniti SPRM, YBhg. Dato' Hj. Abdul Samat Kasah.

Ini merupakan ikrar integriti korporat yang menekankan ikrar dan janji yang dibuat oleh Pengurusan Kanan LPPSA dan kakitangan kami untuk memikul tanggungjawab dan kebertanggungjawaban mereka tanpa melanggar sebarang tatalaku; berkompromi dalam integriti atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang melibatkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

HARI INTEGRITI LPPSA

Selaras dengan ikrar Anti Rasuah, LPPSA telah menyambut Hari Integriti 2017 pada 15 November 2017 di Putra Auditorium B2, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Tema sambutan adalah "Integriti Pemacu Kecemerlangan LPPSA".

Sambutan ini adalah sebahagian daripada usaha kami dalam mengukuhkan etika dan integriti kakitangan LPPSA; serta menyemai integriti sebagai cara hidup dan ketika melaksanakan tugas.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI



STATUTORY BODY SPORTS (SUKEAN BADAN BERKANUN)

Promoting work-life balance is part of LPPSA's role as a responsible employer. At LPPSA, we encourage our employees to participate in sports and recreational activities. Our employees participated in the Statutory Body Sports (SUKANUN) which was held at Melaka International Trade Center (MITC). A total of 62 statutory agencies took part in this sports event. LPPSA delegates participated in 4 out of 17 games: netball, chess, futsal and darts. LPPSA emerged the 31st out of 62 competing agencies.

SUKEAN BADAN BERKANUN

Mempromosikan keseimbangan kerja dan kehidupan adalah sebahagian daripada peranan LPPSA sebagai majikan yang bertanggungjawab. Di LPPSA, kami menggalakkan kakitangan untuk menyertai aktiviti sukan dan rekreasi. Kakitangan kami telah menyertai Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) yang diadakan di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC). Sebanyak 62 buah agensi berkanun telah mengambil bahagian dalam acara sukan ini. Delegasi LPPSA mengambil bahagian dalam 4 daripada 17 acara: bola jaring, catur, futsal dan dart. LPPSA menduduki tempat ke 31 daripada 62 buah agensi yang menyertai kejohanan berkenaan.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI



LPPSA MANAGEMENT RETREAT

LPPSA facilitated management retreats for the senior and middle management to induce quality brainstorming among the senior and middle management to effectively align LPPSA's Strategic Plan and directions which involve financial plan and Key Performance Indicator for the organisation. Such retreats provided an innovative thinking environment when the management team were away from daily work distractions; enabled better collaboration; brainstorming; and decision-making.



HR OPEN DAY

We organised the HR Open Day to create awareness on the benefits and welfare provided by LPPSA to all employees which include various types of non-wage compensation in addition to their normal wages or salaries. The theme of the HR Open Day was "Your Benefits Our Priority". LPPSA's Human Resource Department who organised the event with involvement of exhibition from other Government Agencies such as Employees Provident Fund (EPF), the National Social Security Organisation (SOCSO), Takaful Malaysia, National Higher Education Fund Corporation (PTPTN), Corporate Private Retirement Scheme (PRS) and Great Eastern Takaful to help our employees to be more aware of their entitled benefits for working in LPPSA.

WACANA HARMONI PENGURUSAN LPPSA

Wacana Harmoni Pengurusan LPPSA adalah satu platform untuk memperkasakan pengurusan kanan dan pertengahan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang lebih efektif dan berkomunikasi dengan lebih baik selaras dengan dasar LPPSA. Tujuan sesi berkenaan adalah untuk menggerakkan proses sumbangan idea di kalangan pengurusan kanan dan pertengahan bagi membolehkan mereka menyusun Perancangan Strategik LPPSA dan arah tuju dengan lebih berkesan yang melibatkan pelan kewangan dan Petunjuk Prestasi Utama untuk organisasi. Sesi perancangan strategik di luar pejabat menyediakan persekitaran berfikir yang inovatif di mana pasukan pengurusan terhindar dari sebarang gangguan kerja harian; membolehkan kerjasama yang lebih baik; perkongsian idea; dan membuat keputusan.

HARI TERBUKA SUMBER MANUSIA

Kami menganjurkan Hari Terbuka Sumber Manusia untuk mewujudkan kesedaran mengenai manfaat dan kebijakan yang disediakan oleh LPPSA kepada semua kakitangan termasuk pelbagai jenis ganti rugi bukan upah selain pendapatan atau pendapatan biasa mereka. Tema Hari Terbuka Sumber Manusia ialah "Faedah Anda Keutamaan Kami. Majlis berkenaan telah dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia LPPSA dengan melibatkan pameran daripada Agensi Kerajaan lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Takaful Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Skim Persaraan Swasta Korporat (PRS) dan Great Eastern Takaful untuk membantu kakitangan kami untuk lebih memahami manfaat yang layak diterima mereka semasa bekerja di LPPSA.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

OTHER INITIATIVES

We identified that inclusivity is essential to create a safe and honest working culture. LPPSA strives to provide an environment where employees could speak candidly and respectfully about the organisation and about issues of importance to them via specific open communication channels. We held quarterly General Assemblies where top management update the employees with LPPSA news; to meet and to openly discuss with the employees on any issues that they may be interested in.

Creating a platform for knowledge sharing is another initiative that LPPSA implemented to continuously improve the quality of service delivery. This initiative has a positive impact in increasing our customer satisfaction.

Among other initiatives to promote inclusivity, open communication and to instil a spirit of teamwork, our HR in collaboration with Corporate Communication department organised the following activities to engage our employees; and to encourage knowledge sharing; networking and collaborative team spirit:

- Courtesy visit to Cybersecurity Malaysia
- Movie Night for LPPSA Employees
- National Day Celebration (Semarak Kemerdekaan)
- Change Management Briefing
- National Security Briefing (Taklimat Majlis Keselamatan Negara)



LAIN-LAIN INISIATIF

Kami mendapati bahawa inklusiviti adalah penting untuk mewujudkan budaya kerja yang selamat dan jujur. LPPSA berusaha untuk menyediakan persekitaran di mana kakitangan boleh bercakap dengan tulus dan hormat mengenai organisasi dan mengenai isu-isu penting menerusi saluran komunikasi terbuka yang spesifik. Kami mengadakan Perhimpunan Umum pada setiap suku tahunan di mana pengurusan tertinggi memaklumkan berita terkini mengenai LPPSA kepada kakitangan; untuk bertemu dan membincangkan secara terbuka dengan kakitangan mengenai sebarang isu yang mana mereka mungkin berminat.

Mewujudkan platform untuk perkongsian ilmu merupakan antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh LPPSA untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara berterusan. Inisiatif ini memberi kesan positif dalam meningkatkan kepuasan pelanggan kami.

Antara inisiatif lain untuk menggalakkan inklusiviti, komunikasi terbuka dan semangat kerja berpasukan, bahagian Jabatan Sumber Manusia kami dengan kerjasama Jabatan Komunikasi Korporat telah menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti berikut untuk penglibatan kakitangan; dan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan; rangkaian dan semangat kerjasama pasukan:

- Lawatan hormat ke Cybersecurity Malaysia
- Tayangan Filem untuk Pekerja LPPSA
- Sambutan Hari Kebangsaan (Semarak Kemerdekaan)
- Taklimat Perubahan Pengurusan
- Taklimat Keselamatan Kebangsaan (Taklimat Majlis Keselamatan Negara)



GIVING BACK TO THE COMMUNITY
SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI



COMMUNITY / KOMUNITI

Another important component of LPPSA's CSR focus is in giving back to the community. Being a committed entity, LPPSA has dedicated concerted and consistent efforts in fulfilling our social responsibilities to garner a positive influence not only on the public sector but also to the whole nation. By being visible to the community we serve, we are projecting a positive outlook for LPPSA's. In this regard, we are able to effectively present LPPSA as an agency that truly serves the nation.

Menyumbang kepada komuniti yang kami berkhidmat adalah salah satu lagi komponen yang penting dalam CSR LPPSA. Menjadi badan berkanun yang komited, LPPSA berdedikasi dan konsisten dalam usaha memenuhi tanggungjawab sosial untuk mewujudkan persekitaran positif bukan sahaja di sektor awam tetapi juga di seluruh negara. Dengan bersikap telus dengan komuniti yang kami berkhidmat dan menjangkakan masa depan yang positif mengenai perkhidmatan LPPSA, kami dengan jayanya telah menjadikan LPPSA sebagai sebuah agensi yang benar-benar berkhidmat untuk negara.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI



LPPSA ONE-STOP-CENTRE

The LPPSA “One-Stop-Centre” made its debut at the Ministry of Finance’s Open Day 2017 on 30 March 2017. The “One-Stop-Centre” presented itself in an exhibition format, where we conducted a series of sessions in which professional presenters from LPPSA and several real estate experts shared their knowledge on services provided by LPPSA to the visitors.

PUSAT SEHENTI LPPSA

“Pusat Sehenti” LPPSA telah ditubuhkan semasa Hari Terbuka Kementerian Kewangan 2017 iaitu pada 30 Mac 2017. “Pusat Sehenti” telah dilakukan dalam format pameran dan kami menjalankan pelbagai sesi pameran, di mana pihak LPPSA dan beberapa pakar harta tanah telah berkongsi pengalaman tentang misi, nilai dan perkhidmatan LPPSA kepada pelawat.

BLOOD DONATION CAMPAIGN

Another meaningful LPPSA “Giving Back to the Community” CSR event was the Blood Donation Campaign held on 12 April 2017. Organised in collaboration with the National Blood Bank, the campaign successfully collected 95 blood pouches from 130 visitors who came to our blood donation day. The blood donation campaign received encouraging response from LPPSA employees as well as other colleagues from ministry and other government agencies such as the Ministry of Finance (MOF), the Valuation and Property Services Department (JPPH), the Election Commission (EC) and the Accountant General’s Department of Malaysia (JANM).

KEMPEN DERMA DARAH

Antara program CSR LPPSA yang bertemakan ialah “Sumbangan kepada Komuniti” LPPSA yang bermakna adalah Kempen Derma Darah yang telah diadakan pada 12 April 2017. Dengan kerjasama Bank Darah Kebangsaan, 95 beg darah daripada 130 pelawat yang datang ke kempen berkenaan. Kempen derma darah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan LPPSA serta rakan-rakan lain dari agensi seperti Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

YAKULT@LPPSA

We conducted a joint CSR event together with Yakult Malaysia in 2017. In this event LPPSA employees were treated to a series of helpful and interesting Yakult products and health briefings topics such as Prevention of Disease, Probiotics, Constipation and Immune System, Yakult's goodness in our digestive system and the use of Yakult in hospitals.

This event received encouraging response from LPPSA employees due to the interesting health knowledge sharing by Yakult. On the event day, employees were able to purchase their products at lower than market price.

CELEBRATING HARI RAYA WITH ORPHANS & UNDERPRIVILEGED

A total of 46 orphans and Asnaf from Baitul Sakinah Hidayah and Darul Ulumm Academy celebrated Hari Raya at the LPPSA Cafeteria in conjunction with the 'Majlis Khatam Al-Quran' and Iftar LPPSA 2017. LPPSA donated to the two organisations and provided 'Duit Raya' to the underprivileged children hoping to give them a glimpse of joy in the month of Syawal.

PUSPANITA

LPPSA PUSPANITA together with 9 agencies under the MOF PUSPANITA, Treasury Department, Valuation and Property Services Department (JPPH), The Royal Malaysian Customs Department, the National Accountants Department, Bank Negara Malaysia (BNM), Bank Simpanan Nasional (BSN), Employees Provident Fund (EPF), Inland Revenue Board (IRB) and Langkawi Development Authority (LADA), jointly organised "Cakna Asnaf Kami PUSPANITA Prihatin". It is a programme which took place at the Sultan Mahmud Islamic Center compound, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



This programme is an effort of the Welfare Bureau to inculcate attentiveness and to encourage PUSPANITA members in making donations to the less fortunate and disabled.

A total of 200 recipients from the surrounding villages of Kampung Tanjung Gelam and Kampung Pak Tuyu in Kuala Terengganu received the donations provided.

YAKULT@LPPSA

Kami telah mengadakan program CSR bersama-bersama dengan Yakult Malaysia pada tahun 2017. Di dalam program ini, kakitangan LPPSA telah menikmati beberapa rangkaian produk Yakult yang bermanfaat dan menarik serta taklimat mengenai kesihatan seperti Pencegahan Penyakit, Probiotik, Sembelit, Sistem Daya Tahan dan kebaikan Yakult dalam sistem pencernaan serta penggunaan Yakult di hospital.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan LPPSA berikutnya perkongsian pengetahuan kesihatan yang menarik oleh Yakult. Pada program berkenaan juga, kakitangan dapat membeli produk Yakult dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

SAMBUTAN HARI RAYA BERSAMA ANAK YATIM & ORANG KURANG BERKEMAMPUAN

Seramai 46 anak yatim dan Asnaf dari Baitus Sakinah Hidayah dan Akademi

Darul Ulumm telah menyambut Hari Raya di Kafeteria LPPSA diikuti dengan majlis Khatam Al-Quran dan Iftar LPPSA 2017. LPPSA telah memberi sumbangan kepada kedua-dua organisasi dan menyediakan 'Duit Raya' kepada kanak-kanak kurang bernasib baik dengan harapan dapat memberi sedikit kegembiraan kepada mereka untuk menyambut bulan Syawal.

PUSPANITA

PUSPANITA LPPSA bersama-sama dengan 9 agensi di bawah PUSPANITA MOF, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Akauntan Negara, Bank Negara Malaysia, Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Langkawi (LADA), telah menganjurkan Cakna Asnaf dengan tema 'Kami PUSPANITA Prihatin' yang diadakan di Pusat Islam Sultan Mahmud, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program ini adalah salah satu usaha daripada Biro Kebajikan untuk memupuk keprihatinan dan menggalakkan ahli PUSPANITA untuk membuat sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan dan kurang upaya.

Seramai 200 penerima dari sekitar Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Pak Tuyu di Kuala Terengganu telah menerima sumbangan yang disediakan.

GIVING BACK TO THE COMMUNITY

SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI

BUBUR LAMBUK DISTRIBUTION PENGEDARAN BUBUR LAMBUK



During the Ramadan month in 2017, with sponsorship from TV Al-Hijrah, LPPSA held an internal CSR event by Distributing Porridge "Bubur Lambuk" to LPPSA employees. A total of 1,000 packages of porridge were distributed to all LPPSA employees.

Pada bulan Ramadan 2017, LPPSA telah mengadakan program CSR dalaman dengan mengedarkan "Bubur Lambuk" kepada kakitangan LPPSA menerusi penajaan daripada TV Al-Hijrah. Sebanyak 1,000 bungkus bubur telah diedarkan kepada semua kakitangan LPPSA.



LARIAN OBOR KL 2017

Sixty (60) LPPSA employees represented the organisation in the Larian Obor KL 2017 where YBhg. Tan Sri Dr Irwan Serigar Abdullah, former Secretary General of Treasury, MOF was the torchbearer and led the run for the Putrajaya route.

MAJLIS RUMAH TERBUKA LPPSA 2017

LPPSA Open House 2017 (Majlis Rumah Terbuka 2017) was another engagement event to strengthen LPPSA relationship among the employees and our various stakeholders.

LARIAN OBOR KL 2017

Seramai enam puluh (60) kakitangan LPPSA telah mewakili organisasi untuk Larian Obor KL 2017 di mana bekas Ketua Setiausaha Perbendeharaan, MOF merupakan pemegang obor dan telah mengetuai larian di laluan Putrajaya.

MAJLIS RUMAH TERBUKA LPPSA 2017

Majlis Rumah Terbuka LPPSA 2017 merupakan satu lagi program CSR yang melibatkan komuniti untuk menggalakkan inklusiviti dan mewujudkan kesedaran mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh LPPSA kepada komuniti sektor awam.

MEMBERS OF THE BOARD'S PROFILES

PROFIL AHLI-AHLI LEMBAGA



DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR

Chairman/Pengerusi
Secretary General of Treasury, Ministry of Finance/
Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
(Resigned in September 2018/ meletak jawatan pada September 2018)

Date first appointed to the Board/Tarikh mula dilantik menganggotai Ahli Lembaga
June/Jun 2018

Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar was appointed as Secretary General of Treasury on 12 June 2018, which also effective as LPPSA's Board member on the same date.

Prior to his current appointment, he was the Secretary General at the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry.

Datuk Seri Dr. Ismail began his career as an Assistant Secretary, Contract and Supply Division, at the Ministry of Finance in 1983. In 1990, he served as an Assistant Director in the Anti-Narcotics Task Force Malaysia.

He then continued to serve the Ministry of Finance for almost 18 years in various divisions. Among the positions that he held were Assistant Secretary, Economic and International Division (External Trade and Balance and Payment), Assistant Secretary of Economic and International Division (Capital Market, Money Market and Banking Section), Principal Assistant Secretary, Economic and International Division (Public Finance Sector), Head of Planning, Research and Policy, Government Procurement Division and, Head of Section, Government Procurement Division.

In 2008, he was appointed as Senior Advisor to the Executive Director (SEA Group) of the World Bank before continuing to serve the government as Deputy Secretary General (Policy), Ministry of Defence in 2011 and appointed as Director in the National Strategic Unit, Ministry of Finance. In 2014, he was appointed as the Director of National Budget Office, Ministry of Finance. He also served as the Secretary General, Ministry of Transport in 2014.

LPPSA mengiktiraf bayaran terdahulu sebagai aset semasa pada kos urusniaga. Seterusnya, tiada keperluan untuk pengukuran semula tetapi amaun transaksi dipindahkan ke perbelanjaan atau kelas aset yang lain, yang mana berkenaan setelah barang dan perkhidmatan diterima.

4.3.4 Pinjaman dan pendahuluan kakitangan

Pinjaman kakitangan dinyatakan pada kos dan nilai bersih selepas ditolak bayaran balik oleh kakitangan melalui potongan gaji. LPPSA menawarkan skim pinjaman komputer kepada kakitangan yang telah disahkan jawatan.

Walau bagaimanapun, terdapat 3 jenis skim pinjaman yang diambil alih daripada Kerajaan Persekutuan yang disediakan untuk kakitangan pinjaman:

- (i) Pinjaman komputer
- (ii) Pinjaman kenderaan
- (iii) Pendahuluan kakitangan

4.3.5 Belum terima lain

LPPSA mengiktiraf belum terima lain apabila perkhidmatan diberikan dan apabila invoice dikeluarkan. Nilai belum terima lain mulanya diukur pada amaun urusniaga dan kemudiannya pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN (samb')

4.3 ASET (samb')

4.3.6 Hartanah dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

- (a) Hartanah dan peralatan hendaklah pada mulanya diiktiraf sebagai aset pada kos jika dan hanya jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk kepada LPPSA dan kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.
- (b) Nilai threshold permodalan untuk peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item.
- (c) Nilai aset antara RM200 sehingga tidak melebihi RM2,000 dikategorikan sebagai aset bernilai rendah (LVA) dan disusut nilai sepenuhnya semasa dipermodalkan. Aset ini direkodkan dalam pendaftaran aset untuk tujuan rekod dan kawalan.
- (d) Kos penggantian untuk bahagian aset yang meningkatkan manfaat ekonomi, potensi perkhidmatan dan jangka hayat aset akan dipermodalkan dengan penyahiktirafan bahagian-bahagian berkaitan yang diganti.
- (e) Perbelanjaan pemberian dan penyelenggaraan tidak akan dipermodalkan.

(ii) Susut nilai

Susut nilai dicaj menggunakan kaedah garis lurus pada kadar yang dikira untuk mengagihkan kos atau penilaian sesuatu harta dan peralatan sepanjang usia gunanya. Aset bernilai rendah (LVA) hendaklah disusut nilai sepenuhnya.

Kadar susut nilai harta dan peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|-------------------------|-----|
| Pengubhsuaian | 10% |
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Peralatan pejabat | 20% |
| Perabot dan kelengkapan | 20% |
| Perkakasan IT | 20% |
| Perisian IT | 20% |
| Peralatan komputer | 33% |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN (samb')****4.3 ASET (samb')**

4.3.6 Hartanah dan peralatan (samb')

(iii) Rosot nilai

LPPSA mengiktiraf kerugian rosot nilai dan dilaporkan pada amaun boleh pulih di mana amaun boleh pulih sesuatu aset adalah kurang daripada amaun bawaan. Kerugian akibat rosot nilai dilaporkan dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula di mana apa-apa kerugian rosot nilai dianggap sebagai pengurangan penilaian semula.

(iv) Pelupusan

Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan harta tanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh di mana urusniaga berlaku.

4.4 LIABILITI

Liabiliti ditakrifkan sebagai "obligasi kini bagi entiti yang timbul daripada peristiwa lampau, penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan aliran keluar dari entiti atau sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan". LPPSA mengiktiraf item sebagai liabiliti dalam penyata kewangan jika obligasi tersebut memenuhi takrifan liabiliti dan amaun penyelesaian yang akan dilakukan boleh diukur dengan munasabah.

4.4.1 Belum bayar

LPPSA mengiktiraf belum bayar/terakru apabila barang atau perkhidmatan diterima atau dinikmati. Bagi barang atau perkhidmatan yang diterima atau dinikmati tanpa mengeluarkan pesanan belian, belum bayar atau terakru akan diiktiraf apabila invoice diterima. Walau bagaimanapun, bayaran untuk pembayaran pembiayaan perumahan yang pada masa ini diukur berdasarkan perakaunan tunai adalah tidak termasuk di dalam belum bayar.

4.4.2 Peruntukan

LPPSA mengiktiraf peruntukan jika, setelah mempertimbangkan kesemua bukti yang ada, terdapat berkemungkinan besar wujudnya obligasi kini pada tarikh pelaporan. Peruntukan diukur berdasarkan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN (samb')

4.4 LIABILITI (samb')

4.4.3 Pinjaman

Tujuan pinjaman yang dibuat LPPSA adalah bagi menampung pengeluaran pembiayaan bagi pinjaman perumahan kakitangan awam. LPPSA mengiktiraf pinjaman sebagai liabiliti kewangan pada kos urusniaga dan kemudiannya diukur pada kos terlunas. Kos urusniaga yang secara langsung berpunca daripada liabiliti kewangan ditolak daripada terimaan pinjaman. Kos urusniaga tersebut dicaj kepada perbelanjaan dan amaun yang sepadan ditambah kepada liabiliti kewangan. Bayaran balik pinjaman akan diiktiraf sebagai pengurangan dalam amaun bawaan bagi pinjaman itu pada kos urusniaga. Kos berkaitan dengan pinjaman yang dibuat LPPSA akan dirosot nilai pada setiap tahun kewangan. Kos rosot nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila pinjaman dirosot nilai.

4.4.4 Geran kerajaan

Geran yang diterima daripada Kerajaan mewakili geran yang diterima dalam bentuk tunai dan hanya akan diiktiraf pada nilai saksama apabila hak untuk menerima geran ini telah dikenal pasti dan juga LPPSA telah memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan ke atas penggunaan geran tersebut.

4.5 EKUITI

Ekuiti ditakrifkan sebagai baki dalam aset LPPSA selepas ditolak kesemua liabiliti. Ekuiti terdiri daripada modal yang disumbang oleh entiti Kerajaan yang lain dan lebihan atau kurangan terkumpul LPPSA.

4.6 PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil ditakrifkan sebagai "aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa dalam tempoh pelaporan, apabila aliran masuk tersebut menghasilkan peningkatan aset bersih/ekuiti, selain daripada peningkatan berkaitan sumbangan daripada pemilik". Aliran masuk sumber daripada urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, selain manfaat bukan monetari, yang memenuhi takrifan bagi aset diiktiraf sebagai hasil apabila, dan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang dikaitkan dengan aset itu akan mengalir kepada entiti; dan nilai saksama aset itu boleh diukur dengan pasti.

Semua hasil diiktiraf berdasarkan asas akruan kecuali pendapatan operasi yang diiktiraf berdasarkan kutipan dan pengeluaran secara tunai. Pendapatan operasi adalah merujuk kepada 4% terimaan faedah dari pembiayaan perumahan.

4.7 PENGIKTIRAFAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan diiktiraf sebagai "pengurangan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang menyebabkan pengurangan aset bersih/ekuiti, selain daripada yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik".

Segala perbelanjaan diiktiraf atas asas akruan dalam tempoh di mana barang atau perkhidmatan diterima. Bagi perbelanjaan yang masih belum dibayar setelah barang atau perkhidmatan diterima, ia hendaklah diakrukan dengan sewajarnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN (samb')

4.8 MANFAAT KAKITANGAN

4.8.1 Manfaat jangka pendek

Gaji, upahan, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat-manfaat lain seperti perlindungan perubatan dan lain-lain faedah dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat pekerja itu diterima dan diukur pada kos yang diurusniagakan. Belanja yang belum dibayar dalam tempoh ketika khidmat pekerja itu diterima, diajukan sewajarnya.

4.8.2 Pelan caruman

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi semua kakitangan LPPSA. Bagi kakitangan yang dipinjamkan daripada Kerajaan dan telah memilih skim pencen, caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Persaraan (KWAP). Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ianya ditanggung.

4.9 CUKAI

Perbelanjaan cukai ditakrifkan sebagai amaun agregat termasuk dalam penentuan lebihan atau kurangan dalam tempoh cukai semasa. Cukai semasa adalah amaun cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas lebihan boleh taksir bagi sesuatu tempoh.

LPPSA dikecualikan daripada cukai pendapatan selama 5 tahun bermula 2015 hingga 2019 mengikut Seksyen 127 [3A] Akta Cukai Pendapatan 1967.

4.10 PERISTIWA SELEPAS TARikh PELAPORAN

Peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang baik atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.

Dua jenis peristiwa dapat dikenal pasti adalah peristiwa yang menyediakan bukti keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu pelaras selpas tarikh pelaporan); dan peristiwa yang menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh pelaporan (peristiwa tidak perlu pelaras selepas tarikh pelaporan).

Bagi peristiwa perlu pelaras selepas tarikh pelaporan, amaun yang telah diiktiraf dalam penyata kewangan diselaraskan untuk menggambarkan peristiwa itu. Bagi peristiwa tidak perlu pelaras selepas tarikh pelaporan, amaun sedemikian tidak akan diselaraskan. Walau bagaimanapun, ciri dan anggaran kesan kewangan peristiwa tidak perlu pelaras yang material (iaitu, peristiwa yang mungkin mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna) didedahkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| Perihal | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|--|---------------------------|---------------------------|
| Wang tunai di bank | 15,893 | 79,740 |
| Deposit dan pelaburan berdasarkan prinsip Shariah: | | |
| Bank Islamik | 2,036,583 | 742,500 |
| Institusi kewangan lain | 1,270,400 | 1,014,500 |
| | 3,306,983 | 1,757,000 |
| Wang tunai di tangan | 3 | 2 |
| | 3,322,879 | 1,836,742 |

6. PEMBIAYAAN PERUMAHAN

| Perihal | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|----------------|---------------------------|---------------------------|
| Semasa | 6,778,301 | 6,313,670 |
| Bukan semasa | 49,103,308 | 42,204,270 |
| | 55,881,609 | 48,517,940 |

Pergerakan pembiayaan perumahan dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

| Perihal | Nota | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|--|-------------|---------------------------|---------------------------|
| Seperti pada 1 Januari 2017/ tarikh diwartakan 4 Jun 2015 | | 49,202,642 | - |
| Peletakkan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan | | - | 42,237,083 |
| Pengambilalihan fail sekuriti | 6.1 | 20,075 | - |
| Pengeluaran pembiayaan | 6.2 | 9,806,301 | 8,878,994 |
| Kutipan balik pembiayaan | 6.2 | (2,165,933) | (1,913,435) |
| | | 56,863,085 | 49,202,642 |
| (-) Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan | 6.3 | (981,476) | (684,702) |
| Seperti pada 31 Disember | 6.4 | 55,881,609 | 48,517,940 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. PEMBIAYAAN PERUMAHAN (samb')

Nota tambahan:

- 6.1 Baki akaun sebanyak RM130,051,275 daripada Pool 1 yang terdiri daripada 10,031 fail telah diambil alih dan kemudian sebanyak 7,516 fail berjumlah RM109,976,655 telah dijual kepada Cagamas Berhad pada 15 November 2017.
- 6.2 Pengeluaran dan kutipan balik pembiayaan semasa tempoh pelaporan adalah diukur berdasarkan kutipan dan pengeluaran mengikut asas tunai.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada perenggan 36, MPSAS 33, LPPSA mempunyai tempoh peralihan selama 3 tahun untuk mengiktiraf pengeluaran dan kutipan balik pembiayaan mengikut asas akruan.

- 6.3 Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan adalah hutang yang dianggap tidak dapat dikutip daripada peminjam individu.
- 6.4 LPPSA sedang melaksanakan proses pemurnian data bagi fail peminjam pembiayaan perumahan yang dijangka selesai pada tahun 2018. Amaun bawaan pembiayaan perumahan seperti pada 31 Disember 2017 adalah tertakluk kepada perubahan amaun bawaan pembiayaan perumahan selepas proses pemurnian data dilaksanakan.

7. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN KAKITANGAN

| Perihal | 2017 (RM '000) | | 2016 (RM '000) | |
|----------------|---------------------------------|--------------|---------------------------------|----|
| | Semasa | Bukan semasa | | |
| Semasa | | 14 | | 52 |
| Bukan semasa | | 22 | | 56 |
| | 36 | | 108 | |

Pergerakan pinjaman dan pendahuluan kakitangan dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

| Perihal | Komputer (RM'000) | Kenderaan (RM'000) | Pendahuluan (RM'000) | Jumlah (RM'000) |
|--|------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------|----------------------------------|
| Seperti pada 1 Januari 2017 | 58 | 46 | 4 | 108 |
| Bayaran balik | (23) | (13) | - | (36) |
| Penyelesaian | (26) | (6) | (4) | (36) |
| Jumlah bayaran balik | (49) | (19) | (4) | (72) |
| Seperti pada 31 Disember 2017 | 9 | 27 | - | 36 |
| Seperti pada tarikh diwartakan 4 Jun 2015 | - | - | - | - |
| Pengambilalihan daripada Kerajaan | 121 | 61 | 9 | 191 |
| Jumlah pinjaman diambilalih | 121 | 61 | 9 | 191 |
| Bayaran balik | (42) | (15) | (5) | (62) |
| Penyelesaian | (21) | - | - | (21) |
| Jumlah bayaran balik | (63) | (15) | (5) | (83) |
| Seperti pada 31 Disember 2016 | 58 | 46 | 4 | 108 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

8. BELUM TERIMA LAIN

| Perihal | Nota | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|-----------------------------|------|-------------------|-------------------|
| Belum terima bukan dagangan | 8.1 | 24,181 | 13,045 |
| Deposit | | 306 | 306 |
| Bayaran terdahulu | | 2 | 5 |
| | | 24,489 | 13,356 |

Nota tambahan:

8.1 Belum terima bukan dagangan terdiri daripada:

| Perihal | Nota | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|--|------|-------------------|-------------------|
| Keuntungan pelaburan - Islamik | | 12,135 | 3,052 |
| Pembiayaan perumahan belum terima agensi lain | | 3,515 | 386 |
| (-) Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan belum terima agensi lain | 21 | (3,481) | - |
| Komisen daripada insurans/takaful | | 3,128 | 8,253 |
| Lain-lain bayaran terdahulu | | 8,884 | 1,354 |
| | | 24,181 | 13,045 |

9. HARTANAH DAN PERALATAN

(1) (2) (3) (4) (5)

| Kos: | Pengubah-suaian (RM'000) | Kenderaan bermotor (RM'000) | Peralatan pejabat (RM'000) | Perabot dan kelengkapan (RM'000) | Perkakasan IT (RM'000) | Perisian IT (RM'000) | Peralatan komputer (RM'000) | Aset dalam pembinaan (RM'000) | Jumlah (RM'000) |
|---|--------------------------|-----------------------------|----------------------------|----------------------------------|------------------------|----------------------|-----------------------------|-------------------------------|-----------------|
| Seperti pada 1 Januari 2017 | 1,055 | 1,051 | 1,960 | 6,470 | 15,001 | 4,398 | 7,069 | - | 37,004 |
| Tambahan | 163 | - | 246 | 167 | 1,032 | 387 | 153 | 8,423 | 10,571 |
| Jumlah kos seperti pada 31 Disember 2017 | 1,218 | 1,051 | 2,206 | 6,637 | 16,033 | 4,785 | 7,222 | 8,423 | 47,575 |

Susut nilai terkumpul:

| | | | | | | | | | |
|---|--------------|--------------|----------------|----------------|-----------------|----------------|----------------|----------|-----------------|
| Seperti pada 1 Januari 2017 | (73) | (844) | (1,756) | (6,419) | (10,374) | (271) | (6,878) | - | (26,615) |
| Susut nilai | (116) | (70) | (162) | (160) | (2,055) | (932) | (244) | - | (3,739) |
| Jumlah susut nilai terkumpul seperti pada 31 Disember 2017 | (189) | (914) | (1,918) | (6,579) | (12,429) | (1,203) | (7,122) | - | (30,354) |

Nilai bawaan bersih seperti pada 31 Disember 2017

| | | | | | | | | |
|--------------|------------|------------|-----------|--------------|--------------|------------|--------------|---------------|
| 1,029 | 137 | 288 | 58 | 3,604 | 3,582 | 100 | 8,423 | 17,221 |
|--------------|------------|------------|-----------|--------------|--------------|------------|--------------|---------------|

Kos:

Seperti pada tarikh diwartakan 4 Jun 2015

| | | | | | | | | | |
|---|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|--------------|--------------|----------|---------------|
| Pindahan daripada Kerajaan pada 1 Januari 2016 | - | 903 | 1,839 | 6,396 | 14,891 | 3,374 | 7,034 | - | 34,437 |
| Tambahan | 1,055 | 148 | 121 | 74 | 110 | 1,024 | 35 | - | 2,567 |
| Jumlah kos seperti pada 31 Disember 2016 | 1,055 | 1,051 | 1,960 | 6,470 | 15,001 | 4,398 | 7,069 | - | 37,004 |

Susut nilai terkumpul:

| | | | | | | | | | |
|---|-------------|--------------|----------------|----------------|-----------------|--------------|----------------|----------|-----------------|
| Seperti pada tarikh diwartakan 4 Jun 2015 | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pindahan daripada Kerajaan pada 1 Januari 2016 | - | (802) | (1,629) | (6,370) | (8,420) | (11) | (5,654) | - | (22,886) |
| Susut nilai | (73) | (42) | (127) | (49) | (1,954) | (260) | (1,224) | - | (3,729) |
| Jumlah susut nilai terkumpul seperti pada 31 Disember 2016 | (73) | (844) | (1,756) | (6,419) | (10,374) | (271) | (6,878) | - | (26,615) |

| | | | | | | | | | |
|--|------------|------------|------------|-----------|--------------|--------------|------------|----------|---------------|
| Nilai bawaan bersih seperti pada 31 Disember 2016 | 982 | 207 | 204 | 51 | 4,627 | 4,127 | 191 | - | 10,389 |
|--|------------|------------|------------|-----------|--------------|--------------|------------|----------|---------------|

Nota tambahan:

91 Aset bernilai rendah adalah termasuk dalam peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan, perisian IT dan peralatan komputer.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. PINJAMAN

| Perihal | Nilai isu (RM'000) | Nilai saksama (RM'000) |
|---------------------------------------|-----------------------|---------------------------|
| Seperti pada 31 Disember 2017: | | |
| Semasa | | |
| Kredit pusingan | 750,000 | 750,000 |
| Pinjaman berjangka | 9,100,000 | 9,100,000 |
| | 9,850,000 | 9,850,000 |
| Bukan semasa | | |
| Pinjaman berjangka | 12,800,000 | 12,808,944 |
| Sukuk | 10,750,000 | 10,780,046 |
| | 23,550,000 | 23,588,990 |
| | 33,400,000 | 33,438,990 |
| Seperti pada 31 Disember 2016: | | |
| Semasa | | |
| Kredit pusingan | 840,000 | 840,000 |
| Pinjaman berjangka | 6,000,000 | 6,000,000 |
| | 6,840,000 | 6,840,000 |
| Bukan semasa | | |
| Pinjaman berjangka | 15,900,000 | 15,900,029 |
| Sukuk | 4,000,000 | 4,011,840 |
| | 19,900,000 | 19,911,869 |
| | 26,740,000 | 26,751,869 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. PINJAMAN (samb')

Struktur matang pinjaman adalah seperti berikut:

| Perihal | Nilai isu (RM'000) | Nilai saksama (RM'000) |
|---------------------------------------|-----------------------|---------------------------|
| Seperti pada 31 Disember 2017: | | |
| Kredit pusingan | | |
| Matang dalam 12 bulan | 750,000 | 750,000 |
| | 750,000 | 750,000 |
| Pinjaman berjangka | | |
| Matang dalam 12 bulan | 9,100,000 | 9,100,000 |
| Matang antara 2 - 5 tahun | 4,800,000 | 4,800,012 |
| Matang 5 tahun keatas | 8,000,000 | 8,008,932 |
| | 21,900,000 | 21,908,944 |
| Sukuk | | |
| Matang antara 2 - 5 tahun | 2,500,000 | 2,506,259 |
| Matang 5 tahun keatas | 8,250,000 | 8,273,787 |
| | 10,750,000 | 10,780,046 |
| | 33,400,000 | 33,438,990 |
| Seperti pada 31 Disember 2016: | | |
| Kredit pusingan | | |
| Matang dalam 12 bulan | 840,000 | 840,000 |
| | 840,000 | 840,000 |
| Pinjaman berjangka | | |
| Matang dalam 12 bulan | 6,000,000 | 6,000,000 |
| Matang antara 2 - 5 tahun | 13,900,000 | 13,900,000 |
| Matang 5 tahun keatas | 2,000,000 | 2,000,029 |
| | 21,900,000 | 21,900,029 |
| Sukuk | | |
| Matang antara 2 - 5 tahun | 900,000 | 902,565 |
| Matang 5 tahun keatas | 3,100,000 | 3,109,275 |
| | 4,000,000 | 4,011,840 |
| | 26,740,000 | 26,751,869 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. PINJAMAN (samb')

Nota tambahan:

Kredit pusingan

LPPSA mempunyai kemudahan pusingan tidak bercagar yang dikenakan faedah pada kadar 3.83% hingga 3.95% setahun (2016: 3.93% hingga 4.43% setahun)

| Institusi Kewangan | Nilai Nominal (RM) | Kadar Faedah (%) (Lingkungan) | Tarikh Pengambilan | Tarikh Matang |
|----------------------------|--------------------|-------------------------------|--------------------|-----------------|
| Bank Islam Malaysia Berhad | 250,000,000 | 3.83% - 3.95% | 26 Disember 2017 | 26 Mac 2018 |
| RHB Islamic Bank Berhad | 500,000,000 | 3.83% - 3.95% | 26 Julai 2017 | 25 Januari 2018 |
| Jumlah | 750,000,000 | | | |

Pinjaman berjangka

Peletakhak pinjaman berjangka tidak bercagar dari Kerajaan yang dikenakan faedah pada kadar antara 4.03% hingga 4.89% setahun (2016: 4.08% hingga 4.89% setahun)

| Institusi Kewangan | Nilai Nominal (RM) | Kadar Faedah (%) (Lingkungan) | Tarikh Mula | Tarikh Matang |
|---|-----------------------|-------------------------------|--|---|
| Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - Islamik | 3,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 2 Disember 2011 | 2 Disember 2018 |
| Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - Islamik | 2,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 30 Disember 2016 | 30 Disember 2021/22/23/24 |
| Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - Konvensional | 2,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 19 Disember 2016 | 19 Disember 2021/22/23/24 |
| RHB Islamic Bank Berhad | 2,100,000,000 | 4.03% - 4.89% | 29 Jun 2011 | 29 Jun 2018 |
| RHB Bank Berhad | 1,800,000,000 | 4.03% - 4.89% | 20 Julai 2010 | 20 Julai 2020 |
| CIMB Islamic Bank Berhad | 2,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 2 Disember 2011 | 2 Disember 2018 |
| CIMB Bank Berhad | 2,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 14 Oktober 2008 | 4 Oktober 2018 |
| Ambank Islamic Berhad | 1,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 28 Mac 2012 | 28 Mac 2019 |
| Maybank Islamic Berhad | 6,000,000,000 | 4.03% - 4.89% | 19 Oktober 2017 4 Disember 2017 20 Disember 2017 | 19 Oktober 2025/26 4 Disember 2027/28 20 Disember 2029/30 |
| Jumlah | 21,900,000,000 | | | |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. PINJAMAN (samb')

Sukuk

Pada 17 April 2017 dan 7 September 2017, LPPSA telah menerbitkan sejumlah RM6.75 bilion Nota Jangka Sederhana Islamik ("IMTN") masing-masing bernilai RM3.25 bilion dan RM3.50 bilion membentuk sebagai sebahagian daripada program LPPSA bernilai RM25.00 bilion yang turut merangkumi Kertas Perdagangan Islamik ("ICP"), IMTN, Kertas Perdagangan ("CP"), Nota Jangka Sederhana ("MTN"), Pinjaman Berjangka dan Kredit Pusingan dan kesemuanya dijamin oleh Kerajaan Malaysia (2016: RM4.00 bilion pada 21 September 2016). Sebanyak 11 kelompok (tranche) Sukuk diterbitkan dengan tempoh matang antara 3 tahun sehingga 30 tahun dengan kadar agihan keuntungan antara 3.50% hingga 5.26% setahun sepanjang tempoh pinjaman.

| Kelompok (Tranche) | Tarikh Isu | Nilai Nominal (RM) | Kadar Agihan Keuntungan | Tarikh Matang |
|--------------------|-------------------|-----------------------|-------------------------|-------------------|
| 1 | 21 September 2016 | 300,000,000 | 3.50% | 20 September 2019 |
| 2 | 21 September 2016 | 600,000,000 | 3.60% | 21 September 2021 |
| 3 | 21 September 2016 | 700,000,000 | 3.83% | 21 September 2023 |
| 4 | 21 September 2016 | 700,000,000 | 4.05% | 21 September 2026 |
| 5 | 21 September 2016 | 900,000,000 | 4.62% | 21 September 2036 |
| 6 | 21 September 2016 | 800,000,000 | 4.90% | 21 September 2046 |
| 7 | 17 April 2017 | 800,000,000 | 4.17% | 15 April 2022 |
| 8 | 17 April 2017 | 500,000,000 | 4.39% | 17 April 2024 |
| 9 | 17 April 2017 | 450,000,000 | 4.58% | 16 April 2027 |
| 10 | 17 April 2017 | 700,000,000 | 4.94% | 16 April 2032 |
| 11 | 17 April 2017 | 300,000,000 | 5.07% | 17 April 2037 |
| 12 | 17 April 2017 | 500,000,000 | 5.22% | 17 April 2047 |
| 13 | 7 September 2017 | 300,000,000 | 3.95% | 7 September 2020 |
| 14 | 7 September 2017 | 500,000,000 | 4.08% | 7 September 2022 |
| 15 | 7 September 2017 | 700,000,000 | 4.28% | 6 September 2024 |
| 16 | 7 September 2017 | 1,000,000,000 | 5.05% | 7 September 2037 |
| 17 | 7 September 2017 | 1,000,000,000 | 5.26% | 6 September 2047 |
| Jumlah | | 10,750,000,000 | | |

11. BELUM BAYAR LAIN

| Perihal | 2017 (RM'000) | 2016 (RM'000) |
|----------------------------|------------------|------------------|
| Belum bayar dagangan | 306,027 | 344,469 |
| Belum bayar bukan dagangan | 23,030 | 10,700 |
| Akruan | 257,777 | 221,212 |
| | 586,834 | 576,381 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

12. MODAL

| Perihal | Nota | 2017 (RM '000) | 2016 (RM '000) |
|----------------|-------------|---------------------------|---------------------------|
| Modal | 12.1 | 21,611,059 | 21,611,059 |
| | | 21,611,059 | 21,611,059 |

Nota tambahan:

- 12.1 Modal adalah jumlah peletakhakan aset dan liabiliti daripada Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) kepada LPPSA pada 1 Januari 2016.

13. HASIL PEMBIAYAAN PERUMAHAN

| Perihal | Nota | 2017 (RM'000) | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 (RM'000) |
|--|-------------|--------------------------|--|
| Pendapatan keuntungan | 13.1 | 2,264,399 | 1,927,029 |
| Pendapatan tambahan 5% daripada agensi | | 5,095 | 1,819 |
| | | 2,269,494 | 1,928,848 |

Nota tambahan:

- 13.1 Pengiktirafan pendapatan keuntungan dalam tahun kewangan adalah diukur berdasarkan kutipan tunai yang diterima. Berdasarkan kepada perenggan 36, MPSAS 33, LPPSA mempunyai tempoh peralihan selama 3 tahun untuk mengiktiraf pendapatan keuntungan berdasarkan asas akruan.

14. PENDAPATAN KEWANGAN LAIN

| Perihal | 2017 (RM'000) | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 (RM'000) |
|-------------------------------------|--------------------------|--|
| Keuntungan pelaburan - Konvensional | - | 2,007 |
| Keuntungan pelaburan - Islamik | 87,057 | 51,425 |
| Hibah | 1,566 | 5,086 |
| | 88,623 | 58,518 |

15. PENDAPATAN PENSEKURITIAN

Pendapatan pensemuritian merupakan fi perkhidmatan yang dikenakan oleh LPPSA kepada Cagamas MBS Berhad atas perkhidmatan yang diberikan dalam menguruskan kutipan daripada fail-fail yang telah disekuritikan.

Sebanyak 408,197 akaun pinjaman perumahan telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad tanpa rekursa ke atas LPPSA melalui 18 terbitan pensemuritian dengan nilai jualan RM32.51 bilion. Terimaan bagi kesemua terbitan tersebut adalah RM26.01 bilion selepas ditolak diskau berjumlah RM6.50 bilion.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

16. LAIN-LAIN PENDAPATAN

| Perihal | Nota | 2017 | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 |
|-----------------------------------|-------------|----------------|---|
| | | (RM'000) | (RM'000) |
| Komisen daripada insurans/takaful | | 64,047 | 39,431 |
| Lain-lain pendapatan | 16.1 | 270,910 | 287 |
| | | 334,957 | 39,718 |

Nota tambahan:

- 16.1 Termasuk dalam lain-lain pendapatan adalah dividen daripada Cagamas berjumlah RM139.47 juta dan nilai sisa Pool 1 Cagamas berjumlah RM130.05 juta yang diambil alih pada November 2017.

17. PERBELANJAAN SUMBER MANUSIA DAN MANFAAT PEKERJA

| Perihal | Nota | 2017 | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 |
|---------------------------------|-------------|---------------|---|
| | | (RM'000) | (RM'000) |
| Gaji, elaun dan manfaat pekerja | 17.1 | 54,914 | 52,605 |
| Elaun Lembaga | 25 | 327 | 426 |
| Bantuan pengurusan | | 779 | 713 |
| | | 56,020 | 53,744 |

Nota tambahan:

- 17.1 Termasuk dalam gaji, elaun dan manfaat pekerja adalah perbelanjaan yang terdiri daripada caruman majikan kepada KWAP, KWSP dan PERKESO berjumlah RM1.62 juta [2016: RM2.20 juta], RM3.49 juta [2016: RM2.10 juta] dan RM0.26 juta [2016: RM0.14 juta] masing-masing.

18. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

| Perihal | | 2017 | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 |
|-------------------------------|--|---------------|---|
| | | (RM'000) | (RM'000) |
| Kos pentadbiran | | 6,043 | 2,716 |
| Utiliti | | 5,358 | 714 |
| Pembaikan dan penyelenggaraan | | 5,155 | 2,078 |
| | | 16,556 | 5,508 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

19. PERBELANJAAN KEWANGAN

| Perihal | 2017 (RM'000) | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 (RM'000) |
|----------------------------|------------------|---|
| Pinjaman berjangka | 904,789 | 946,823 |
| Kredit pusingan | 21,881 | 48,310 |
| Sukuk | 327,839 | 46,959 |
| Kertas Komersial Islamik | 39,508 | - |
| Perbelanjaan nilai saksama | 27,122 | 11,869 |
| Lain-lain caj kewangan | 29,536 | 13,515 |
| | 1,350,675 | 1,067,476 |

20. YURAN PROFESIONAL

| Perihal | Nota | 2017 (RM'000) | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 (RM'000) |
|-----------------------------|------|------------------|---|
| Yuran perundingan | | 8,634 | 498 |
| Yuran perundangan | | 612 | 191 |
| Yuran pengurusan | | - | 2,500 |
| Yuran pengauditan | | 168 | - |
| Lain-lain yuran profesional | 20.1 | 2,004 | 443 |
| | | 11,418 | 3,632 |

Nota tambahan:

20.1 Termasuk dalam lain-lain yuran profesional adalah yuran perlesenan dan perbelanjaan berkanun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

21. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

| Perihal | Nota | 2017 | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 |
|---|-------------|---------------|---|
| | | (RM'000) | (RM'000) |
| Perbelanjaan GST | 21.1 | 94 | 151 |
| Perbelanjaan kes tidak diinsuraskan | | 73 | - |
| Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan agensi lain | | 3,481 | - |
| Diskaun pensekuritian semula | | 9,998 | - |
| | | 13,646 | 151 |

Nota tambahan:

- 21.1 Termasuk dalam perbelanjaan GST adalah semua cukai input yang diserap oleh LPPSA yang diktiraf sebagai GST Block Input Tax.

22. ELAUN ROSOT NILAI BAGI PEMBIAYAAN PERUMAHAN

| Perihal | 2017 | 4 Jun 2015 hingga 31 Disember 2016 | |
|---|----------------|---|----------|
| | | (RM'000) | (RM'000) |
| Elaun rosot nilai bagi pembiayaan perumahan terdiri daripada: | | | |
| Hutang yang dianggap tidak dapat dikutip daripada peminjam individu | 296,774 | 684,702 | |
| | 296,774 | 684,702 | |

23. CUKAI

LPPSA dikecualikan daripada cukai pendapatan selama 5 tahun bermula 2015 sehingga 2019 mengikut Seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, LPPSA dikehendaki mematuhi semua peruntukan seperti yang dinyatakan pada Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk pengisytiharan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

LPPSA terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kadar faedah dan risiko operasi. Secara umumnya, objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan bertujuan bagi mengurangkan risiko disamping memastikan pulangan yang optimum kepada LPPSA.

24.1 RISIKO PASARAN

Risiko pasaran adalah risiko potensi kerugian disebabkan oleh perubahan di dalam nilai instrumen kewangan atau instrumen kewangan lain yang ditunjukkan oleh perubahan di dalam pasaran semasa seperti kadar faedah semasa. Risiko pasaran diurus dan diseimbangkan dengan mempelbagaikan pelaburan dalam instrumen kewangan yang berkualiti dan kecairan yang tinggi bagi mengekalkan modal dan juga untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan kepada LPPSA.

24.2 RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah risiko yang berlaku disebabkan ketidakmampuan pihak-pihak yang terlibat di dalam urusan perniagaan untuk memenuhi jangkaan di dalam pembayaran faedah atau pulangan pelaburan seperti yang dipersetujui semasa kontrak dikuatkuasakan. Pendedahan LPPSA kepada risiko kredit adalah melalui aktiviti pinjaman, urusniaga perniagaan am, penempatan tunai dan pelaburan di institusi kewangan yang berlesen. LPPSA memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan pemantauan berterusan mengenai kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak yang terlibat.

24.2.1 Jadual dibawah menunjukkan ringkasan jumlah aset kewangan dengan mengambil kira elau rosot nilai:

| Perihal | Aset kewangan sebelum rosot nilai (RM'000) | Elaun rosot nilai (RM'000) | Jumlah nilai dibawa (RM'000) |
|---|---|-----------------------------------|-------------------------------------|
| 2017 | | | |
| Aset kewangan | | | |
| | | | |
| Deposit dan pelaburan di institusi kewangan | 3,306,983 | - | 3,306,983 |
| Pembentukan perumahan | 56,863,085 | (981,476) | 55,881,609 |
| Belum terima lain bukan dagangan | 18,778 | (3,481) | 15,297 |
| | 60,188,846 | (984,957) | 59,203,889 |
| 2016 | | | |
| Aset kewangan | | | |
| | | | |
| Deposit dan pelaburan di institusi kewangan | 1,757,000 | - | 1,757,000 |
| Pembentukan perumahan | 49,202,642 | (684,702) | 48,517,940 |
| Belum terima lain bukan dagangan | 11,691 | - | 11,691 |
| | 50,971,333 | (684,702) | 50,286,631 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')**24.2 RISIKO KREDIT (samb')**

24.2.2 Analisis usia bagi pendedahan aset kewangan terhadang yang telah matang tetapi belum dirosot nilai adalah seperti dibawah:

| Aset kewangan | Belum lewat terima dan belum terjejas (RM'000) | Lewat terima sehingga 1 bulan (RM'000) | Lewat terima 1 ke 3 bulan (RM'000) | Lewat terima >3 bulan (RM'000) | Jumlah (RM'000) |
|---|---|---|---------------------------------------|-----------------------------------|--------------------|
| 2017 | | | | | |
| Deposit dan pelaburan di institusi kewangan | 3,306,983 | - | - | - | 3,306,983 |
| Pembentangan perumahan | 56,863,085 | - | - | - | 56,863,085 |
| Belum terima lain bukan dagangan | 24,147 | - | - | 3,515 | 27,662 |
| | 60,194,215 | - | - | 3,515 | 60,197,730 |
| 2016 | | | | | |
| Deposit dan pelaburan di institusi kewangan | 1,757,000 | - | - | - | 1,757,000 |
| Pembentangan perumahan | 49,202,642 | - | - | - | 49,202,642 |
| Belum terima lain bukan dagangan | 13,045 | - | - | - | 13,045 |
| | 50,972,687 | - | - | - | 50,972,687 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')

24.2 RISIKO KREDIT (samb')

24.2.3 Aset kewangan terdedah kepada risiko kredit yang disemak sebagai rosot nilai dan pergerakan ke atas elaun rosot nilai untuk tahun semasa adalah seperti berikut:

| Perihal | Elaun pada 1 Januari (RM'000) | Elaun rosot nilai bagi tahun semasa (RM'000) | Elaun pada 31 Disember (RM'000) |
|--|-------------------------------------|--|---------------------------------------|
| 2017 | | | |
| Aset kewangan | | | |
| Pembentangan perumahan | 684,702 | 296,774 | 981,476 |
| Pembentangan perumahan belum terima agensi lain | - | 3,481 | 3,481 |
| | 684,702 | 300,255 | 984,957 |
| 2016 | | | |
| Aset kewangan | | | |
| Pembentangan perumahan | - | 684,702 | 684,702 |
| | - | 684,702 | 684,702 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')**24.3 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI**

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah risiko yang berlaku apabila dana yang diperlukan tidak mencukupi bagi memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan. LPPSA sentiasa memantau aliran tunai masuk dan keluar yang diunjurkan bagi memastikan bahawa kedudukan kewangan LPPSA sentiasa kukuh dan kecairan tunai sentiasa terjamin. Selain itu, LPPSA juga memastikan tahap kecairan aset adalah mencukupi dan tersedia ada melalui penempatan sejumlah tunai dan deposit mudah cair di institusi-institusi kewangan berlesen berdasarkan anggaran komitmen kewangan yang perlu dijelaskan.

24.3.1 Kelompok kecairan LPPSA terdiri daripada tunai dan aset semasa lain seperti berikut:

| Perihal | 2017 (RM'000) | 2016 (RM'000) |
|----------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| Tunai dan kesetaraan tunai | 3,322,879 | 1,836,742 |
| Pembentangan perumahan | 55,881,609 | 48,517,940 |
| | 59,204,488 | 50,354,682 |

24.3.2 Jadual dibawah menunjukkan ringkasan kematang liabiliti kewangan LPPSA berdasarkan nilai saksama pada tempoh matang secara kontrak seperti berikut:

| Perihal | Dalam 12 bulan (RM'000) | 2 ke 5 tahun (RM'000) | Lebih dari | | | |
|---------------------------|--|--|-----------------------------------|----------------------------------|--|--|
| | | | 5 tahun (RM'000) | Jumlah (RM'000) | | |
| 2017 | | | | | | |
| Liabiliti kewangan | | | | | | |
| Kredit pusingan | 750,000 | - | - | 750,000 | | |
| Pinjaman berjangka | 9,100,000 | 4,800,012 | 8,008,932 | 21,908,944 | | |
| Sukuk | - | 2,506,259 | 8,273,787 | 10,780,046 | | |
| | 9,850,000 | 7,306,271 | 16,282,719 | 33,438,990 | | |
| 2016 | | | | | | |
| Liabiliti kewangan | | | | | | |
| Kredit pusingan | 840,000 | - | - | 840,000 | | |
| Pinjaman berjangka | 6,000,000 | 13,900,000 | 2,000,029 | 21,900,029 | | |
| Sukuk | - | 902,565 | 3,109,275 | 4,011,840 | | |
| | 6,840,000 | 14,802,565 | 5,109,304 | 26,751,869 | | |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')

24.4 RISIKO KADAR FAEDAH

Risiko kadar faedah adalah risiko berkaitan modal atau pendapatan yang terhasil daripada pergerakan kadar faedah. Ia terhasil daripada perbezaan antara masa perubahan kadar faedah dengan masa aliran tunai (risiko penentuan semula harga), hubungan antara perubahan kadar faedah dengan lengkung hasil yang memberi kesan kepada kos pinjaman LPPSA (risiko asas), hubungan antara perubahan kadar faedah merangkumi keseluruhan spektrum tempoh matang (risiko lengkung hasil), dan pilihan kadar faedah berkaitan produk LPPSA (risiko pilihan).

Jadual di bawah menunjukkan butiran mengenai kesan ke atas ekuiti dan lebihan tahun semasa sekiranya kadar faedah berubah sebanyak 100 mata asas dengan semua pemboleh ubah lain dianggap malar:

| Perihal | +100bps (RM'000) | -100bps (RM'000) |
|-----------------------------------|---------------------|---------------------|
| 2017 | | |
| Kesan kepada ekuiti | 252,204 | (252,204) |
| Kesan kepada lebihan tahun semasa | 21,701 | (21,701) |
| 2016 | | |
| Kesan kepada ekuiti | 230,503 | (230,503) |
| Kesan kepada lebihan tahun semasa | 14,392 | (14,392) |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')

24.4 RISIKO KADAR FAEDAH (samb')

| | Dalam tempoh setahun (RM'000) | Dalam tempoh 1 hingga 5 tahun (RM'000) | Lebih dari 5 tahun (RM'000) | Tidak sensitif faedah (RM'000) | Jumlah (RM'000) |
|----------------------------------|----------------------------------|---|--------------------------------|-----------------------------------|--------------------|
| 2017 | | | | | |
| ASET KEWANGAN | | | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 3,322,876 | - | - | 3 | 3,322,879 |
| JUMLAH ASET KEWANGAN | 3,322,876 | - | - | 3 | 3,322,879 |
| LIABILITI KEWANGAN | | | | | |
| Pinjaman | 9,850,000 | 7,306,271 | 16,282,719 | - | 33,438,990 |
| JUMLAH LIABILITI KEWANGAN | 9,850,000 | 7,306,271 | 16,282,719 | - | 33,438,990 |
| Jurang sensitif faedah/untung | (6,527,124) | (7,306,271) | (16,282,719) | | |
| Jurang terkumpul | (6,527,124) | (13,833,395) | (30,116,114) | | |
| 2016 | | | | | |
| ASET KEWANGAN | | | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 1,836,740 | - | - | 2 | 1,836,742 |
| JUMLAH ASET KEWANGAN | 1,836,740 | - | - | 2 | 1,836,742 |
| LIABILITI KEWANGAN | | | | | |
| Pinjaman | 6,840,000 | 14,802,565 | 5,109,304 | - | 26,751,869 |
| JUMLAH LIABILITI KEWANGAN | 6,840,000 | 14,802,565 | 5,109,304 | - | 26,751,869 |
| Jurang sensitif faedah/untung | (5,003,260) | (14,802,565) | (5,109,304) | | |
| Jurang terkumpul | (5,003,260) | (19,805,825) | (24,915,129) | | |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

24. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb')

24.5 RISIKO OPERASI

Risiko operasi merupakan risiko kerugian yang wujud berikutan kegagalan dalam proses kawalan dalaman organisasi. Pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten diguna pakai LPPSA bagi menjajar strategi, polisi, proses, teknologi dan peningkatan pengetahuan di kalangan anggota bertujuan mewujudkan nilai tambah dan penambahbaikan berterusan terhadap proses kerja di samping mengamalkan urus tadbir korporat yang baik bertujuan memastikan kawalan dalaman yang menyeluruh.

24.6 INSTRUMEN KEWANGAN DIBAWA PADA NILAI SAKSAMA

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Maklumat yang dikemukakan ini merupakan anggaran nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama, menggunakan kaedah penilaian. Tahap yang berbeza telah ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Tahap 1: Harga sebutan (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang serupa.
- (ii) Tahap 2: Input selain daripada harga sebutan yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperolehi daripada harga).
- (iii) Tahap 3: Input untuk aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tak boleh diperhatikan).

| Perihal | Tahap 1 (RM'000) | Tahap 2 (RM'000) | Tahap 3 (RM'000) | Jumlah (RM'000) |
|---------------------------|---------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| 2017 | | | | |
| Liabiliti Kewangan | | | | |
| Kredit Pusingan | - | - | 750,000 | 750,000 |
| Pinjaman Berjangka | - | - | 21,908,944 | 21,908,944 |
| Sukuk | - | - | 10,780,046 | 10,780,046 |
| | - | - | 33,438,990 | 33,438,990 |

2016

Liabiliti Kewangan

| | | | | |
|--------------------|---|---|-------------------|-------------------|
| Kredit Pusingan | - | - | 840,000 | 840,000 |
| Pinjaman Berjangka | - | - | 21,900,029 | 21,900,029 |
| Sukuk | - | - | 4,011,840 | 4,011,840 |
| | - | - | 26,751,869 | 26,751,869 |

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

LPPSA melapor kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan adalah dikawal oleh Kerajaan Malaysia.

Anggota pengurusan utama LPPSA adalah termasuk anggota Lembaga dan kumpulan pengurusan kanan LPPSA. LPPSA memberi kemudahan pembiayaan perumahan yang sama seperti penjawat awam Kerajaan kepada Pengerusi LPPSA, anggota Lembaga dan kumpulan pengurusan kanan yang layak. Kemudahan pembiayaan perumahan adalah bukan sebahagian daripada pakej saraan kepada Pengerusi dan anggota Lembaga.

Jumlah saraan dan bilangan anggota lembaga pengarah LPPSA yang berkhidmat secara sepenuh masa adalah seperti berikut:

Jumlah saraan : RM0.32 juta (2016: RM0.43 juta)

Bilangan ahli : 6 orang (2016: 6 orang)

Kumpulan pengurusan kanan LPPSA adalah terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Bahagian Operasi, Ketua Bahagian Perancangan Korporat dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat.

Jumlah saraan dan bilangan ahli kumpulan pengurusan kanan LPPSA yang berkhidmat secara sepenuh masa adalah seperti berikut:

Jumlah saraan : RM1.93 juta (2016: RM1.61 million)

Bilangan ahli : 5 orang (2016: 4 orang)

26. KETIDAKPASTIAN ANGGARAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Berdasarkan perenggan 140, MPSAS 1, LPPSA perlu mendedahkan dalam nota maklumat tentang andaian utama berkenaan masa hadapan, dan sumber utama lain berhubung dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasan material terhadap amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

Amaun bawaan pembiayaan perumahan seperti pada 31 Disember 2017 adalah berdasarkan kepada peletakhkan baki prinsipal pembiayaan perumahan daripada Kerajaan Malaysia pada 1 Januari 2016 mempunyai kesan yang paling signifikan kepada jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan. LPPSA mengiktiraf pengeluaran pembiayaan dan kutipan balik berkaitan pembiayaan perumahan berdasarkan kutipan dan pembayaran tunai yang tidak mematuhi asas akruan MPSAS.

Pihak LPPSA sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja pemurnian data bagi semua fail-fail peminjam. Proses ini telah bermula pada 20 Jun 2016 dan dijangka selesai pada tahun 2018. Proses pemurnian data ini bertujuan untuk memastikan ketepatan baki pinjaman dalam akaun peminjam selari dengan asas akruan MPSAS. Justeru itu, amaun bawaan pembiayaan perumahan yang dilaporkan pada 31 Disember 2017 adalah tertakluk kepada perubahan amaun selepas proses pemurnian data dilaksanakan.

Bagaimanapun, berdasarkan perenggan 36-62, MPSAS 33 yang membenarkan tempoh pelepasan peralihan sehingga tiga tahun, LPPSA mempunyai selama tempoh tersebut untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan pengukuran aset ini bermula selepas tarikh pemakaian MPSAS.

This page has been intentionally left blank.



No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

www.lppsa.gov.my